

DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohamad Azmi
Haji Awang Damit

BERAKAS, Sabtu, 27 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, pagi tadi berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah H. Al Buraithin, yang akan menamatkan perkhidmatan.

>> Muka 2

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, pagi tadi berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah H. Al Buraithin.



Hasil jualan perkhidmatan makanan dan minuman Q3 menurun 0.7 peratus

Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Disember. - Sektor Perkhidmatan makanan dan minuman mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 0.7 peratus tahun ke tahun pada suku ketiga (Q3) 2025, selepas meningkat sebanyak 2.3 peratus pada suku kedua (Q2) tahun ini. Manakala, jumlah nilai perkhidmatan makanan dan minuman dianggarkan sebanyak BND111.3 juta pada Q3 2025.

Penurunan tersebut disebabkan oleh pengurangan hasil jualan restoran, aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman penyajian minuman.

Berdasarkan perbandingan suku tahunan (*quarter-on-quarter basis*), perkhidmatan makanan dan minuman turut menurun sebanyak 1.8 peratus selepas mencatatkan peningkatan sebanyak 7.0 peratus pada Q2 tahun 2025.

Dari segi volum, perkhidmatan makanan dan minuman mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 1.0 peratus tahun ke tahun pada Q3 2025, selepas meningkat sebanyak 1.9 peratus pada Q2 2025.

Dari segi perbandingan suku tahunan pula, perkhidmatan makanan dan minuman merekodkan pertumbuhan negatif sebanyak 1.8 peratus selepas meningkat sebanyak 6.8 peratus pada Q2 2025.

>> Muka 4

Mengeratkan ukhuwah dalam bergotong-royong

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BELAIT, Sabtu, 27 Disember. - Kementerian Pertahanan hari ini berjaya melaksanakan Kempen Kebersihan di beberapa lokasi yang dikenal pasti di Daerah Belait.

Kempen Kebersihan dianjurkan berteraskan konsep menekankan tanggungjawab bersama dan semangat gotong-royong sebagai simbol penyatuan komuniti.

Hadir pada Majlis Pelancaran kempen berlangsung di Taman Jubli Perak, Kuala Belait ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Program dimulakan dengan sesi bergambar ramai, diikuti dengan bacaan

Surah Al-Fatihah dan penyampaian tazkirah bertajuk 'Menguatkan Ukhuwah dalam Bergotong-Royong', yang mengingatkan bahawa amalan gotong-royong bukan sahaja dapat mengeratkan ukhuwah, malah merupakan satu sunnah yang menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian komuniti.

Ini diikuti dengan beberapa ceramah kesedaran mengenai kebersihan dan tanggungjawab alam sekitar yang disampaikan oleh wakil-wakil daripada Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta pameran berkaitan pengurusan sisa, kesihatan awam, pemuliharaan alam sekitar dan amalan lestari.

>> Muka 3

Tanam sifat berhemah dalam membelanjakan harta, jauhi amalan pembaziran

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 Disember. - Agama Islam mengajar tentang kepentingan menanamkan sifat berhemah dalam membelanjakan harta serta menjauhi amalan pembaziran.

Islam menganjurkan agar harta dibelanjakan berdasarkan keperluan sebenar dan bukan didorong oleh hawa nafsu semata-mata. Di samping itu, harta hendaklah dimanfaatkan untuk perkara-perkara yang membawa kebaikan,

seperti bersedekah dan membantu golongan yang memerlukan.

Dengan memupuk sifat berhemah dalam berbelanja, kita bukan sahaja menzahirkan kesyukuran terhadap nikmat Allah Subhanahu Wata'ala, malah memperoleh kebahagiaan melalui amalan saling membantu sesama insan.

>> Muka 3



Berita Utama



PERSEMBAHAN Orkestra
Kebangsaan meriahkan ibu negara
Muka 5




SEMAI nilai kasih sayang, semangat
kebersamaan

Muka 6



SEMINAR beri kefahaman strategi,
formula penulisan tesis berkesan

Muka 7



DAPATKAN Kalendar 2026
di dalam

DPMM berkenan menerima mengadap



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah H. Al Buraithin (kiri dan atas).

Oleh : Pg. Syi'aruddin
Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi
Haji Awang Damit

>> Muka 1

Tuan Yang Terutama telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 13 September 2023.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezan.

PERMOHONAN SKIM BIASISWA KERAJAAN DIBUKAKAN

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Sabtu, 27 Disember. - Kementerian Pendidikan sukacita memaklumkan bahawa Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bersama senarai kursus yang akan ditawarkan di bawah Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke Luar Negeri (Umum) Sesi akademik 2026/2027 telah dikeluarkan

pada Sabtu, 27 Disember 2025.

Adalah dimaklumkan bahawa permohonan dijangka dibuka pada bulan Januari 2026 dan tarikh pembukaan permohonan berkenaan akan dimaklumkan kemudian melalui saluran rasmi Kementerian Pendidikan.

Sehubungan itu, maklumat

lanjut berkaitan tatacara permohonan, syarat-syarat kelayakan serta senarai kursus yang ditawarkan boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini

bolehlah menghubungi Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan menerusi talian +673 2380019 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) pada jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang atau e-mel ke scholarship@moe.gov.bn.

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER	HARI	REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
MASIH		HIJRAH								
29	ISNIN	8	4.53	5.03	6.27	6.51	12.23	3.45	6.17	7.32
30	SELASA	9	4.54	5.04	6.27	6.52	12.24	3.46	6.18	7.33
31	RABU	10	4.54	5.04	6.28	6.52	12.24	3.46	6.18	7.33
1	KHAMIS	11	4.55	5.05	6.28	6.52	12.25	3.46	6.19	7.34
JANUARI										
2	JUMAAT	12	4.55	5.05	6.29	6.53	12.25	3.47	6.19	7.34
3	SABTU	13	4.56	5.06	6.29	6.53	12.26	3.47	6.20	7.34
4	AHAD	14	4.56	5.06	6.30	6.54	12.26	3.48	6.20	7.35

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
ISNIN			SELASA			RABU				
Bandar Seri Begawan										
32	25	°C	32	24	°C	31	24	°C		
Pekan Bangar										
32	24	°C	31	24	°C	30	24	°C		
Pekan Tutong										
32	24	°C	31	24	°C	31	24	°C		
Kuala Belait										
32	24	°C	31	24	°C	31	24	°C		

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 29 DISEMBER 2025

Bijak berbelanja keperluan penting diutamakan

KETIKA sesetengah orang pergi bercuti merehatkan minda dan berbelanja di luar negara, ada sebahagian lagi mereka yang berada di negara ini menikmati suasana cuti bersama keluarga sambil berbelanja di negara sendiri.

Walau bagaimanapun keseronokan kita berbelanja tetapi kita perlu juga beringat-ingat untuk menyimpan sebahagian gaji yang diterima. Bak kata orang sediakan payung sebelum hujan, menyimpanlah untuk sebarang kegunaan bagi masa depan dan juga untuk waktu-waktu kecemasan yang tidak diduga. Pastikan awda mempunyai simpanan kecemasan yang mencukupi untuk sekurang-kurangnya tiga hingga enam bulan perbelanjaan. Simpanan ini penting untuk menghadapi situasi tidak dijangka seperti kehilangan kerja atau kecemasan perubatan. Ini adalah salah satu tip mengurus kewangan yang penting untuk melindungi keluarga awda.

Mengurus kewangan keluarga dengan bijak adalah langkah penting untuk memastikan kestabilan ekonomi dan kehidupan yang lebih tenang. Menghampiri awal tahun baharu 2026, ini adalah masa terbaik untuk merancang kewangan keluarga awda.

Bulan Disember biasanya dimeriahkan dengan pesta-pesta jualan dengan vendor-vendor dari luar dan dalam negara dengan mendapat sambutan hangat. Memang difahami inilah masanya untuk berhibur serta berbelanja bersama keluarga apatah lagi kakitangan kerajaan yang telah menerima bonus masing-masing. Setentunya mereka ini berusaha untuk menyenangkan serta menggembirakan ahli keluarga dengan membelikan barang-barang yang sudah lama diidamkan tetapi belum mampu dilaksanakan. Justeru bertepatan dengan cuti dan bonus yang diterima, banyak yang memanfaatkan momen ini untuk berhibur dan bergembira bersama keluarga.

Jualan hujung tahun merupakan antara waktu yang dinanti-nantikan kerana pada ketika inilah pelbagai tawaran menarik dan diskaun ditawarkan untuk orang ramai. Tawaran seperti ini memang menarik dan mendapat sambutan orang ramai lebih-lebih lagi selepas menerima bonus. Sama ada berbelanja untuk persiapan tahun baharu atau mungkin sebagai *self reward* setelah bekerja keras sepanjang tahun, kita perlu berhati-hati supaya tidak terjebak dalam perangkap jualan murah hingga 'terlebih belanja' dan akhirnya dibebani hutang berpanjangan.

Menguruskan wang dengan bijak adalah kunci untuk mengelakkan berbelanja secara berlebihan. Dengan menetapkan bajet, membuat senarai, membandingkan harga dan memantau perbelanjaan, awda boleh menikmati jualan hujung tahun tanpa menjejaskan kestabilan kewangan awda.

Apa yang penting, perbelanjaan untuk keperluan anak-anak sekolah perlu diutamakan dahulu. Sesetengah kedai ada menawarkan diskaun bagi peralatan sekolah, buku-buku dan lain-lain lagi. Ibu bapa perlu bertindak bijak dalam pemilihan membeli barang-barang anak sekolah agar tidak berbelanja pada yang tidak diperlukan.

Menghampiri tahun baharu 2026 setentunya banyak yang perlu dilakukan. Bukan sekadar tentang perbelanjaan tetapi juga tentang kehidupan yang telah kita lalui sepanjang tahun ini. Kita perlu introspeksi diri tentang apa yang sudah kita lakukan sama ada ia produktif, positif sebagai sukat-sukat kita menghadapi tahun baharu 2026. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MENGERATKAN UKHUWAH DALAM BERGOTONG-ROYONG



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Pelancaran Kempen Kebersihan yang berlangsung di Taman Jubli Perak, Kuala Belait (kiri dan bawah). Manakala gambar atas, Yang Berhormat semasa menyertai sesi pemanasan badan sebelum bermulanya aktiviti pembersihan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Program ini kemudiannya diteruskan dengan taklimat keselamatan dan senaman ringan sebelum aktiviti pembersihan dimulakan.

Kempen Kebersihan ini menghimpunkan penduduk setempat, anggota tentera, agensi kerajaan, pemimpin masyarakat,

pihak swasta, institusi pendidikan, kumpulan belia dan pertubuhan sukarelawan melalui aktiviti pembersihan secara bersepadu di taman-taman awam, kawasan perumahan dan ruang komuniti, dengan penyertaan lebih kurang 1,000 peserta.

Sebanyak 3,470.8 kilogram sisa merangkumi daripada sisa am, bahan kitar semula dan barangan

pukul berjaya dikumpulkan dari kawasan pembersihan yang ditetapkan.

Pencapaian ini menzahirkan impak positif inisiatif alam sekitar yang digerakkan oleh komuniti.

Kempen Kebersihan ini bukan sahaja meningkatkan tahap kebersihan dan keindahan Daerah Belait, malah turut memperkukuh tanggungjawab bersama dalam memelihara kebersihan alam sekitar.

Melalui inisiatif seumpama ini, nilai-nilai kerjasama, tanggungjawab bersama dan rasa hormat terhadap alam sekitar terus diperkasakan dalam kalangan masyarakat.

Usaha ini sekali gus menegaskan komitmen berterusan Kementerian Pertahanan terhadap pemeliharaan alam sekitar serta sokongan padu terhadap inisiatif



Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan (JIJK), di samping mengukuhkan pendekatan Whole

of Nation ke arah mengekalkan sebuah negara yang bersih, selamat dan mampan.



ANTARA yang menyampaikan ceramah kesedaran pada majlis tersebut (atas kiri dan atas kanan).



Tanam sifat berhemah dalam membelanjakan harta, jauhi amalan pembaziran

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Demikian antara perkara yang disampaikan daripada tazkirah bertajuk 'Berhemah Dalam Membelanjakan Harta' oleh Timbalan Dekan Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dayang Nurul Azimah binti Abdul Hamid, bagi menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-213, Khas Untuk Wanita Ke-31 yang bersiaran dari Masjid An-Naim, Kampung Panchor Mengkubau.

Acara Malam Munajat berkenaan turut disertai oleh para Muslimah Masjid An-Naim, Kampung Panchor Mengkubau dan dari beberapa buah masjid seluruh negara, serta warga kerja wanita KHEU, dan juga individu secara maya dari kediaman masing-masing.

Juga menyertai, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Acara Malam Munajat berkenaan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan

Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Setiausaha Hal Ehwal Muslimah Masjid An-Naim, Kampung Panchor Mengkubau, Dayang Rabi'atul Adawiyah binti Haji Mohd. Ali.

Diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Penolong Keagamaan, Unit Belia dan Beliawanis Masjid An-Naim, Kampung Panchor Mengkubau, Dayang Nursumaiyah binti Zuraimi. Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Penolong Keagamaan, Unit Belia dan Beliawanis Masjid An-Naim, Kampung Panchor Mengkubau, Dayang Siti Hanisah Aqilah binti Rusli.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Dayang Madihah Raneya binti Haji Paun, Pelajar Kelas Bimbingan Muslimah Masjid An-Naim, Kampung Panchor Mengkubau.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Dayang Nurul Atiqah binti Abd. Latif, tenaga pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah Masjid An-Naim, Kampung Panchor



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi turut menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-213, Khas Untuk Wanita Ke-31.

Mengkubau.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan

menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada

sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan <http://tiny.cc/munajatkheuwanita>.

HASIL JUALAN PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN Q3 MENURUN 0.7 PERATUS

Siaran Akhbar dan Infografik :Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

>> Muka 1

Dari segi nilai, hasil jualan perkhidmatan makanan dan minuman menurun sebanyak 0.7 peratus pada Q3 2025 berbanding Q3 2024.

Penurunan berkenaan disebabkan oleh pengurangan hasil jualan restoran, aktiviti penyajian minuman dan aktiviti perkhidmatan makanan lain.

Dari segi volum, jumlah volum jualan perkhidmatan makanan dan minuman mencatatkan penurunan sebanyak 1.0 peratus pada Q3 2025 berbanding Q3 2024. Penurunan tersebut disebabkan oleh pengurangan volum jualan restoran sebanyak 2.6 peratus, aktiviti penyajian minuman sebanyak 4.6 peratus dan aktiviti perkhidmatan makanan lain sebanyak 0.5 peratus.

Dari segi nilai, berbanding Q2 2025, hasil jualan perkhidmatan makanan dan minuman menurun sebanyak 1.8 peratus pada Q3 2025. Penurunan ini berpunca daripada pengurangan hasil jualan aktiviti perkhidmatan makanan lain, restoran, kedai makanan segera dan aktiviti penyajian minuman.

Sementara itu, dari segi volum, jumlah volum jualan perkhidmatan makanan dan minuman mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus pada Q3 2025 berbanding Q2 2025.

Penurunan tersebut disebabkan oleh pengurangan volum jualan aktiviti perkhidmatan makanan lain sebanyak 7.9 peratus, restoran sebanyak 0.8 peratus, kedai makanan segera sebanyak 2.2 peratus dan aktiviti penyajian minuman sebanyak 9.6 peratus.

Indeks Perkhidmatan Makanan dan Minuman (F&BSI) mengukur pergerakan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman. Indeks ini berfungsi sebagai penunjuk ekonomi utama bagi prestasi perkhidmatan makanan dan minuman serta tingkah laku perbelanjaan pengguna.

Perkhidmatan makanan dan minuman merujuk kepada aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan penyajian makanan dan minuman yang menyediakan hidangan lengkap atau minuman yang sesuai untuk dimakan atau diminum serta-merta, sama ada melalui restoran tradisional, layan diri atau bawa pulang. Perkhidmatan berkenaan merupakan salah satu sektor penting yang menyumbang kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam, dengan merangkumi hampir 11 peratus daripada jumlah perusahaan, menyediakan pekerjaan kepada sekitar sembilan peratus tenaga kerja dan menjana hampir dua peratus daripada jumlah hasil operasi sektor swasta pada tahun 2019.



جباتن فرانچن ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKU KETIGA (Q3) 2025

Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (F&BSI) mengukur perkembangan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman. Ia berfungsi sebagai petunjuk awal mengenai prestasi perkhidmatan makanan & minuman serta corak perbelanjaan pengguna.


TREND INDEKS (Q1 2024 – Q3 2025)



Perubahan Tahun-ke-Tahun
Jul-Sep 2025 | Jul-Sep 2024

NILAI	VOLUM
▼-0.7%	▼-1.0%

PERUBAHAN TAHUN-KE-TAHUN Q3 2025



NILAI JUALAN: BND111.3 JUTA

<https://deps.mofe.gov.bn>

info.statistics@jpes.gov.bn

statistics.jpes

Kaunter pembayaran Pejabat Tanah seluruh daerah dibuka setengah hari pada 31 Disember 2025

Siaran Akhbar : Jabatan Tanah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Disember. - Jabatan Tanah memaklumkan kepada orang ramai bahawa Kaunter Penerimaan Pembayaran di setiap Pejabat Tanah seluruh daerah hanya akan dibuka setengah hari pada hari Rabu, 31 Disember 2025 Masihi bersamaan 10 Rejab 1447 Hijrah.

Menurut jabatan berkenaan, Kaunter Penerimaan Pembayaran akan dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi sahaja dan tidak beroperasi pada waktu petang.

Walau bagaimanapun, Kaunter Perkhidmatan akan terus beroperasi seperti biasa, iaitu dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi, dan disambung semula dari jam 1.45 petang hingga 3.45 petang.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang urusan tanah yang melibatkan pembayaran dinasihatkan supaya melaksanakan urusan berkenaan pada waktu pagi pada hari tersebut.

Kaunter Penerimaan Pembayaran dijadualkan beroperasi semula seperti biasa pada hari Sabtu, 3 Januari 2026.

Orang ramai yang memerlukan maklumat lanjut berkaitan permohonan Jabatan Tanah boleh melayari laman sesawang rasmi jabatan di www.land.gov.bn atau mengikuti akaun Instagram rasmi [@jabatantanah.bn](https://www.instagram.com/jabatan_tanah.bn).



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Memperkasa Komuniti OKU: Membangun Masyarakat Inklusif'. Tarikh Tutup : 31 Disember 2025
2. 'Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan'. Tarikh Tutup : 7 Januari 2026
3. 'Krisis Kanak-kanak Obesiti Perlu Ditangani'. Tarikh Tutup : 14 Januari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510

Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

BANTU MERINGANKAN BEBAN KELUARGA ANAK YATIM

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



KETUA Kampung Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mentiri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Kotak Kutip (Drop Box) Kembali Ke Sekolah (atas dan kiri).

MENGKUBAU, Ahad, 28 Disember. - Majlis Penyerahan Kotak Kutip (Drop Box) Kembali Ke Sekolah bagi tahun 2025 bagi musim persekolahan tahun 2026 anjuran Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mentiri diadakan pagi ini bertempat di rumah No. 27, Simpang 179, Jalan Tanjung Selasih, RPN Panchor Mentiri, iaitu rumah kediaman Timbalan Pengerusi MPK, Kawasan 2 RPN Panchor Mentiri, Awang Bolhassan bin Haji Abu Bakar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Panchor Mentiri, Haji Awang Eddie Hardey bin Haji Ibrahim. Majlis dimulakan oleh bacaan Surah Al-Fatihah.

Terdahulu, Haji Awang Eddie Hardey dalam ucapannya menjelaskan bahawa seramai 10 anak yatim dalam kalangan penduduk-penduduk kampung bagi Kawasan 2 telah dikenal pasti sebagai penerima. Beliau turut menekankan kepada para penerima supaya akan dapat memanfaatkan bantuan berkenaan untuk terus berusaha dalam meningkatkan bidang pembelajaran masing-masing demi masa hadapan diri sendiri dan juga bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035, iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

"Semoga dengan adanya aktiviti projek amal seperti ini dapatlah sedikit sebanyak membantu meringankan beban keluarga anak-anak yatim serta membantu pihak kerajaan dalam sama-sama memeduli akan nasib mereka ini bagi membuat persediaan musim persekolahan pada tahun hadapan, iaitu 2026," ujarnya.

Acara diteruskan dengan penyerahan baucar yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Persembahan Orkestra Kebangsaan meriahkan ibu negara



PERSEMBAHAN Orkestra Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah mengambil tempat di kawasan pusing keliling berhadapan Bangunan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan, diserikan dengan tarian yang menyajikan gabungan elemen muzik dan tarian yang tersusun (kiri dan atas). Manakala gambar bawah, antara persembahan orkestra pada majlis tersebut (bawah kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Disember. - Ibu negara, Bandar Seri Begawan malam tadi dimeriahkan dengan Persembahan Orkestra Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang merupakan antara pengisian baharu yang diketengahkan dan julung kalinya diadakan sebagai sebahagian daripada acara Pesta Disember Brunei (BDF) 2025.

Penganjurannya bertujuan untuk memeriahkan suasana negara melalui pengisian seni, budaya dan hiburan yang dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Persembahan yang mengambil tempat di kawasan pusing keliling berhadapan Bangunan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan (BSB) itu dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Acara berkenaan menampilkan sebanyak 15 buah lagu yang merangkumi pelbagai ritma dan genre muzik yang dipersembahkan oleh seramai 80 pemain orkestra tempatan dengan iringan lima orang penyanyi undangan, mewakili Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pasukan Polis Diraja Brunei; Senandung Budaya di bawah KKBS; Radio Televisyen Brunei serta Kumpulan Muzik Belia Sireh.

Persembahan tersebut turut diserikan dengan tarian oleh 16 penari, yang menyajikan gabungan elemen muzik dan tarian yang tersusun, dinamik dan berwarna-

warni serta menonjolkan kekayaan seni dan budaya NBD.

Keunikan persembahan ini terserlah melalui penganjuran suasana terbuka di Pusat Bandar, BSB, yang disusun dengan perancangan teknikal yang rapi, merangkumi susun atur pentas dan sistem bunyi secara profesional dan pencahayaan yang disesuaikan, bagi memastikan kualiti persembahan yang jelas, seimbang dan selesa untuk dinikmati oleh para penonton.

Penganjuran Persembahan Orkestra Kebangsaan NBD ini adalah selaras dengan usaha berterusan kerajaan dalam memperkasa seni muzik dan kreatif tempatan, memupuk penghayatan seni dan budaya dalam kalangan masyarakat, serta menyediakan platform hiburan berkualiti tinggi yang

inklusif.

Di samping itu, penganjuran ini turut menggalakkan penglibatan masyarakat serta memperkukuhkan apresiasi

terhadap seni persembahan tempatan di samping usaha memelihara, mempromosikan dan memperkukuh pembangunan industri seni dan budaya negara.



SEMAI NILAI KASIH SAYANG, SEMANGAT KEBERSAMAAN

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin



SEKITAR Hari Usrah 'Jalinan Kasih' Keluarga Awang Haji Mail bin Haji Bakar dan Dayang Hajah Timidah binti Serudin yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Kampung Parit (atas dan atas kanan).

PENGKALAN BATU, Ahad, 28 Disember. - Lebih 120 ahli keluarga terdekat menghadiri Hari Usrah 'Jalinan Kasih' Keluarga Awang Haji Mail bin Haji Bakar dan Dayang Hajah Timidah binti Serudin yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Kampung Parit, di sini.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah serta Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Sai'don @ Rahmat bin Haji Aji @ Haji Abdul Aziz, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Bersama Hari Usrah, Awang Haji Ahmad Daud bin Haji Lakat.

Antara pengisian utama program ialah sesi bersalam-salaman dan bergambar beramai mengikut susur galur keluarga yang melibatkan beberapa cabang

keluarga utama, sekali gus mencerminkan keutuhan dan kebersamaan institusi keluarga besar tersebut.

Program turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti 'Family Game' yang melibatkan penyertaan kanak-kanak, golongan lelaki dan perempuan antaranya melontar botol, dadu gergasi, melontar bola ke baldi secara bergilir, teka warna botol, permainan gergasi tangga dan ular; serta aktiviti berkumpulan yang menguji semangat kerjasama dan kekeluargaan.

Acara diteruskan dengan penyampaian hadiah bagi kesemua aktiviti 'Family Game', dan kemudian diteruskan dengan Cabutan Nama Bertuah sambil menikmati juadah makan tengah hari.



Majlis yang dihadiri oleh anak-anak, cucu-cucu serta cicit-cicit Awang Haji Mail dan Dayang Hajah Timidah berkenaan bertujuan untuk mengukuhkan hubungan silaturahim, mempereratkan ikatan kekeluargaan serta menghimpunkan ahli keluarga merentas generasi dalam suasana penuh kegembiraan, harmoni dan kesyukuran.

Ia antara lain diadakan untuk memupuk semangat bersatu padu dan berkongsi pengalaman bagi menjayakan segala perincian dan aktiviti yang telah dirancang agar berjalan lancar dan teratur.

Hari Usrah 'Jalinan Kasih' tersebut bukan sahaja menjadi medan pertemuan semua ahli keluarga malah berperanan sebagai wadah untuk menyemai nilai kasih sayang, persefahaman serta semangat kekitaan dalam kalangan generasi keluarga pasangan berkenaan.


TAHUKAH AWDA?



APA ITU TENAGA SURIA?

 Tenaga suria adalah salah satu tenaga yang boleh diperbaharui yang dijana oleh matahari.

 Cahaya matahari ditukar kepada tenaga elektrik melalui alat yang dikenali sebagai panel solar fotovoltaik.

Terdapat 3 jenis sistem tenaga suria

ATAS GRID	LUAR GRID	HIBRID
Bersambung dengan grid utiliti.	Bergantung kepada panel solar dan bateri sahaja.	Gabungan sistem penyimpanan tenaga elektrik melalui bateri dengan grid.

TAHUKAH AWDA? Dengan sistem atas grid, sebarang lebih tenaga elektrik yang awda dihasilkan boleh dieksport kembali ke grid utiliti melalui Program **Net-metering**.

www.energy.gov.bn
renewable.energy@energy.gov.bn
+673 2384488 ext 3271

PGGMB raikan dedikasi, jasa bakti kakitangan



SESI bergambar ramai bagi Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Penghargaan Perkhidmatan Kakitangan dan Sijil serta Cenderamata kepada Pegawai Pentadbir PGGMB bagi tahun 2025 (atas), sementara gambar kanan, penyampaian penghargaan kepada salah seorang penerima disempurnakan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Disember. - Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Penghargaan Perkhidmatan Kakitangan dan Sijil serta Cenderamata kepada Pegawai Pentadbir PGGMB bagi tahun 2025, baru-baru ini.

Majlis tersebut merupakan sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PGGMB dalam menghargai dan memberi pengiktirafan kepada

semua staf.

Para penerima penghargaan ialah Penolong Pegawai Kewangan, Dayang Janta Jinggi, telah berkhidmat di PGGMB sejak 1 April 1997; Kerani Pentadbiran (SKS & BM), Dayang Ampuan Rismah binti Ampuan Daud, berkhidmat sejak 18 Mac 1997; dan Kerani Pentadbiran (Sekolah), Dayang Hajah Habibah binti Abdul Rahman.

Manakala Pegawai Pentadbiran PGGMB, Dayang Edylina binti Haji Badar, akan menamatkan

perkhidmatan beliau pada 31 Disember 2025 selepas mula berkhidmat pada 23 Mac 2005.

Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Di-Pertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri, mengucapkan terima kasih di atas kerjasama, dedikasi dan komitmen padu yang telah diberikan bagi sama-sama menggalas tugas serta tanggungjawab sepanjang perkhidmatan yang diberikan di PGGMB.

Beliau berharap agar anugerah tersebut akan menjadi pencetus

Siaran Akhbar dan Foto :Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

semangat positif untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan di PGGMB.

Awang Haji Mustapa juga menzahirkan ucapan penghargaan kepada Dayang Edylina binti Haji Badar atas dedikasi dan komitmen beliau selama bertugas di PGGMB, serta mendoakan kejayaannya dalam kerjaya baharu.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh barisan kepimpinan PGGMB termasuk Timbalan Yang Di-Pertua

PGGMB, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohammad; Pengerusi Tetap PGGMB, Dayang Hajah Hanifah binti Haji Apang; Setiausaha Agung PGGMB, Awang Yakub bin Haji Abd. Rahman; Setiausaha Kewangan PGGMB, Awang Haji Juned bin Haji Ramli; serta semua staf dan kakitangan PGGMB.

Sijil Anugerah Perkhidmatan telah disampaikan Pengerusi Tetap PGGMB.



SEMINAR BERI KEFAHAMAN STRATEGI, FORMULA PENULISAN TESIS BERKESAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 Disember. - Kira-kira 50 peserta yang terdiri daripada tenaga akademik dan pelajar institusi pengajian tinggi

menyertai Seminar Mudah Siap Tesis yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Siswazah dengan kerjasama Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi, Kolej

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Seminar berlangsung pada 26 Disember 2025 di Dewan Tarbiah, kolej universiti

Siaran Akhbar dan Foto :Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

berkenaan.

Seminar selama sehari itu disampaikan oleh fasilitator jemputan dari Malaysia, Dr. Haji Mohd. Khairul Nizam Zainan Nazri, yang merangkumi pelbagai modul antaranya 'Page Driven Mindset', 'Ilmu Grow Tesis Dengan Strategi Mudah', 'Design Your Thesis Journey' serta 'Motivasi dan Inspirasi Dunia Pascasiswazah'.

Setiap modul merangkumi kongsi sama dan bimbingan secara intensif bagi memastikan para peserta dapat mengaplikasikan teknik yang dipelajari dalam menghasilkan tesis akademik yang berimpak tinggi dalam tempoh pengajian yang ditetapkan.

Ia antara lain bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai strategi dan formula penulisan

tesis yang berkesan.

Selain itu, seminar tersebut juga bermatlamat dalam membimbing para peserta mengenal pasti halangan dalam proses penyelidikan serta cara mengatasinya, sekali gus meningkatkan kecekapan peserta dalam mengurus masa, emosi dan motivasi sepanjang perjalanan akademik.

Dengan pendekatan utama berteraskan 'Page Driven Mindset', seminar ini juga diharap dapat menyediakan ruang jaringan akademik antara pelajar pascasiswazah, yang secara tidak langsung membantu pihak universiti memperkukuh ekosistem sokongan pelajar ke arah Graduate on Time (GOT).



SUASANA pada Seminar Mudah Siap Tesis yang berlangsung selama sehari di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) (atas dan kanan).

Projek4Baju : Lebih 100 pasang pakaian berjaya dikumpul

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Othman



KETUA Penglibatan Komuniti,
Hand4Hand Brunei, Dayang
Nurhudiya binti Haji
Damit semasa ditemu bual.

telah berjaya mengumpulkan lebih 100 pasang pakaian, dalam tempoh kurang 48 jam selepas dibarigakan kepada orang ramai.

Menurut Ketua Penglibatan Komuniti, Hand4Hand Brunei, Dayang Nurhudiya binti Haji Damit, projek tersebut merupakan sebuah platform untuk orang ramai berinfak pakaian yang masih baik untuk digunakan, seterusnya diagihkan semula kepada

golongan yang memerlukan.

"Kelainan Projek4Baju pada kali ini adalah, bagi setiap pengantaran, kami menghadkan kepada empat pasang baju sahaja yang sudah dicuci dan digantung.

"Ini bagi memastikan keadilan dalam pengagihan dan memudahkan lagi proses penyerahan," jelas Dayang Nurhudiya.

Beliau menjelaskan, dengan sambutan yang menggalakkan berkenaan, sumbangan berupa pakaian dewasa lelaki dan wanita serta pakaian kanak-kanak amat membanggakan.

"Alhamdulillah, ia menunjukkan kesedaran dan kemurahan hati masyarakat untuk berkongsi rezeki," ujarnya.

Tambah Dayang Nurhudiya, selari dengan Kempen Hari Bertindak 2025, Projek4Baju diadakan bukan sekadar untuk mengagihkan pakaian.

"Tujuannya juga adalah untuk menggalak dan menyediakan platform mudah kepada orang ramai untuk bersedekah, di samping meningkatkan kesedaran sosial dan semangat prihatin dalam kalangan masyarakat," katanya.

Inisiatif seumpama ini diharap dapat terus diperluas, menyemai nilai kebersamaan dan mengukuhkan jaringan bantuan sosial di negara ini.



ANTARA yang hadir pada Projek4Baju.



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser **No. 1** di kalangan **lelaki** dan **No. 2** di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi: 1 dalam 10

1 dalam 5

kanser lelaki

kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari:

<https://moh.gov.bn/>

INDEKS JUALAN RUNCIT Q3 MENURUN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Disember. - Indeks Jualan Runcit (RSI) menunjukkan bahawa aktiviti jualan runcit di Negara Brunei Darussalam mencatatkan penurunan pada suku ketiga 2025, dari segi nilai dan volum berbanding tempoh yang sama tahun lalu serta suku sebelumnya.

RSI berfungsi sebagai penunjuk ekonomi utama bagi prestasi perdagangan runcit serta tingkah laku perbelanjaan

pengguna.

Pada suku ketiga (Q3) 2025, jualan runcit mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 2.3 peratus tahun ke tahun selepas mencatatkan penurunan sebanyak 6.2 peratus pada suku kedua (Q2) 2025.

Dari segi perbandingan suku tahunan, jualan runcit turut mencatatkan penurunan sebanyak 2.7 peratus selepas susut sebanyak 9.9 peratus pada Q2 2025.

Jumlah nilai jualan runcit pada Q3 2025 dianggarkan sebanyak BND384 juta.

Hampir satu pertiga, iaitu 25.2 peratus, disumbangkan oleh Gedung Serbaneka (Department Stores) dengan nilai jualan sebanyak BND96.8 juta, diikuti Pasar Raya (Supermarket) sebanyak BND69 juta atau 18 peratus.

Dari segi volum, jualan runcit mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 2.7 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

tahun ke tahun pada Q3 2025 selepas menurun sebanyak 6.3 peratus pada Q2 2025.

Dari segi suku tahunan, jualan runcit turut merekodkan pertumbuhan negatif sebanyak 3 peratus selepas penurunan sebanyak 11.4 peratus pada Q2 2025.

Dari segi nilai jualan, jualan runcit mencatatkan penurunan sebanyak 2.3 peratus pada Q3 2025 berbanding Q3 2024. Keadaan ini berpunca daripada penurunan permintaan domestik. Permintaan yang lebih rendah pada S3 2025 dapat dilihat melalui penyusutan jualan bagi lebih separuh aktiviti runcit, dengan yang paling terjejas termasuk Gedung Serbaneka yang menurun sebanyak 6.3 peratus, Pasar Raya 5.7 peratus, Peralatan Komputer dan Telekomunikasi 6.9 peratus, Perabot dan Kelengkapan Isi Rumah 9.9 peratus, serta Barangan Rekreasi 9.8 peratus.

Dari segi volum, jumlah jualan runcit mencatatkan penurunan sebanyak 2.7 peratus pada Q3 2025 berbanding Q3 2024. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan volum jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 5.8 peratus, diikuti oleh Pasar Raya 5.7 peratus, Peralatan Komputer dan Telekomunikasi 5.6 peratus, Barangan Rekreasi 10.2 peratus, serta Perabot dan Kelengkapan Isi Rumah 8.2 peratus.

Bagi perbandingan suku tahunan dari segi nilai, jualan runcit mencatatkan penurunan sebanyak 2.7 peratus pada Q3 2025 berbanding Q2 2025.

Penurunan tersebut terutamanya disumbangkan oleh kemerosotan jualan di Gedung Serbaneka. Dua pertiga daripada aktiviti runcit mencatatkan pertumbuhan negatif, dengan antara yang tertinggi melibatkan Gedung Serbaneka sebanyak 6.7 peratus, Peralatan Elektrik Isi Rumah dan Kelengkapan Pencercaayaan di kedai khusus 8.1 peratus, Lain-lain 5.1 peratus, Pasar Raya 1.8 peratus, serta Jam Tangan dan Barang Kemas 6.3 peratus.

Dari segi volum bagi perbandingan suku tahunan, volum jualan runcit menurun sebanyak 3 peratus pada Q3 2025 berbanding Q2 2025. Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh penurunan volum jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 7.2 peratus, Peralatan Elektrik Isi Rumah dan Kelengkapan Pencercaayaan di kedai khusus 8.3 peratus, kategori Lain-lain 5.6 peratus, Pasar Raya 1.8 peratus, serta Tekstil, Pakaian dan Kasut 9 peratus.

Perdagangan runcit merujuk kepada aktiviti penjualan semula barangan baharu dan terpakai tanpa melalui sebarang proses pengeluaran, yang kebanyakannya ditujukan kepada orang awam untuk kegunaan peribadi atau isi rumah. Sektor perdagangan runcit merupakan antara sektor penting yang menyumbang kepada ekonomi NBD, dengan hampir 20 peratus daripada jumlah perusahaan, menggaji sekitar 11 peratus tenaga kerja, serta menjana kira-kira enam peratus daripada jumlah hasil operasi sektor swasta pada tahun 2019.



جباتن قرائچن ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

INDEKS JUALAN RUNCIT SUKU KETIGA (Q3) 2025

Indeks Jualan Runcit (RSI) mengukur perkembangan aktiviti jualan runcit. Ia berfungsi sebagai petunjuk awal mengenai prestasi jualan runcit serta corak perbelanjaan pengguna.


TREND INDEKS (Q1 2024 – Q3 2025)



Perubahan Tahun-ke-Tahun Jul-Sep 2025 | Jul-Sep 2024

NILAI	VOLUM
▼ -2.3%	▼ -2.7%

PERUBAHAN TAHUN-KE-TAHUN Q3 2025



NILAI JUALAN: BND384.0 JUTA

<https://deps.mofe.gov.bn>

info.statistics@jpes.gov.bn

[statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.


Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



2



3



KEKALKAN PERSEKITARAN BERSIH, AMALKAN CARA HIDUP BERDISIPLIN



AKTIVITI membersihkan serta mengemas rumah turut mengeratkan hubungan kekeluargaan, selain memupuk sikap bekerjasama dalam kalangan ahli keluarga.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 Disember. - Musim cuti persekolahan dan cuti hujung tahun lazimnya dimanfaatkan oleh orang ramai untuk meluangkan masa bersama keluarga, di samping mengambil peluang membersihkan serta mengemas rumah masing-masing.

Tinjauan mendapati aktiviti mengemas rumah menjadi antara keutamaan penduduk bagi memastikan suasana kediaman lebih kemas, selesa dan kondusif, khususnya selepas melalui rutin harian yang sibuk sepanjang tahun.

Usaha tersebut bukan sahaja tertumpu kepada bahagian dalam

rumah, malah turut melibatkan pembersihan halaman dan kawasan sekeliling.

Sebahagian keluarga turut mengambil inisiatif melibatkan anak-anak dalam kerja-kerja pembersihan sebagai pendedahan awal terhadap nilai tanggungjawab, disiplin serta amalan hidup bersih.

Aktiviti seumpamanya secara tidak langsung mengeratkan hubungan kekeluargaan, selain memupuk sikap bekerjasama dalam kalangan ahli keluarga.

Selain itu, kerja-kerja mengemas memberi peluang kepada penduduk untuk menyusun semula barangan, melupuskan atau

menderma barangan yang tidak lagi digunakan, sekali gus menyokong amalan gaya hidup lestari serta menjimatkan ruang kediaman.

Usaha berterusan dalam menjaga kebersihan rumah dan persekitaran ini selaras dengan aspirasi kerajaan untuk mengekalkan persekitaran yang bersih, sihat dan teratur, di samping menggalakkan masyarakat mengamalkan cara hidup yang positif dan berdisiplin.

Musim cuti juga dilihat sebagai masa yang sesuai untuk melaksanakan penyelenggaraan ringan di rumah bagi memastikan kediaman berada dalam keadaan terbaik sebelum memulakan semula rutin harian selepas cuti berakhir.



ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Perpustakaan PSB berperanan melestarikan khazanah sejarah NBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 Disember. - Perpustakaan Pusat Sejarah Brunei (PSB) terus memainkan peranan penting sebagai pusat rujukan utama negara dalam usaha memelihara, mendokumentasi dan melestarikan khazanah sejarah Negara Brunei Darussalam (NBD) agar tidak hilang ditelan zaman.

Menurut Pegawai Sejarah Kanan selaku Ketua Bahagian Perpustakaan dan Pembelajaran PSB, Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah, PSB telah ditubuhkan pada 26 Januari 1982 atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penubuhannya mencerminkan wawasan jauh pandangan baginda dalam memastikan sejarah dan warisan negara direkod, dikaji dan dipelihara secara sistematik berteraskan penyelidikan ilmiah.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa sebagai institusi yang dipertanggungjawabkan dalam pengumpulan, penyimpanan dan pemeliharaan dokumen serta

sumber sejarah, PSB berperanan sebagai penjaga memori kolektif bangsa.

Ia menjadi pusat rujukan penting kepada penyelidik, pelajar, ahli akademik dan orang ramai untuk mendalami sejarah, budaya serta salasilah NBD, di samping memperkukuhkan jati diri kebangsaan.

Selain itu, tambahnya, Perpustakaan PSB berfungsi sebagai platform sumber rujukan yang komprehensif dan menjadi nadi kepada penyelidikan sejarah negara melalui penyediaan koleksi bahan rujukan yang autentik dan berautoriti.

Di samping menyokong penyelidikan akademik, perpustakaan ini juga menyediakan kemudahan rujukan kepada masyarakat umum yang berminat terhadap sejarah dan warisan tempatan.

PSB turut aktif menganjurkan pelbagai program berbentuk pendidikan dan kesedaran awam seperti pameran sejarah, ceramah ilmiah, pelancaran buku serta program interaktif bersama masyarakat bagi meningkatkan kefahaman dan minat orang ramai terhadap sejarah negara.

Berkongsi mengenai koleksi Perpustakaan PSB, beliau

memaklumkan bahawa sehingga kini perpustakaan tersebut memiliki sebanyak 60,174 koleksi bahan yang dibahagikan kepada tujuh kategori utama, iaitu Koleksi Rujukan Brunei, Koleksi Asia Tenggara, Koleksi Borneo, Koleksi Rujukan Umum, Koleksi Nadir, Koleksi Terbitan Berkala dan Koleksi Keratan Akhbar.

Dengan kepelbagaian bahan bacaan yang tersedia, Perpustakaan PSB berfungsi sebagai sumber ilmu yang komprehensif bagi penyelidik, pelajar dan pengguna lain yang berminat dalam bidang sejarah dan budaya Brunei serta Asia Tenggara.

Koleksi yang pelbagai ini bukan sahaja menyokong penyelidikan akademik, malah menyediakan akses kepada maklumat yang bernilai dan jarang ditemui, menjadikannya sumber yang amat berharga kepada komuniti penyelidik tempatan dan antarabangsa.

Menyentuh mengenai pecahan koleksi, beliau menerangkan bahawa ia melibatkan 33,246 buah buku termasuk 655 buku nadir, 22,642 terbitan berkala seperti majalah, jurnal dan buletin, serta 4,171 kertas kerja.

Antara koleksi paling berharga di

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Perpustakaan PSB ialah koleksi buku nadir yang merangkumi bahan-bahan yang sukar diperoleh dan tidak lagi dicetak atau diterbitkan semula.

Menurut beliau, buku-buku ini mengandungi maklumat unik yang menjadikannya aset penting untuk para penyelidik yang ingin mendapatkan perspektif lebih mendalam tentang sejarah Brunei dan wilayah sekitarnya.

Koleksi ini merupakan khazanah bernilai tinggi dalam usaha pelestarian ilmu dan warisan sejarah, sekali gus memperkukuhkan peranan perpustakaan sebagai pusat penyimpanan maklumat yang eksklusif.

Salah satu koleksi istimewa ialah The Philippine Islands, 1493-1898, iaitu sebuah siri 55 jilid yang menghimpunkan dokumen kolonial Sepanyol dan turut merekodkan hubungan Brunei dengan kuasa Barat, termasuk peristiwa Perang Kastila pada tahun 1578.

Turut menjadi khazanah penting ialah buku A Dictionary of the Malay Tongue yang diterbitkan pada tahun 1801, yang membuktikan pengiktirafan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* di rantau Asia

Tenggara serta peranannya dalam perdagangan, diplomasi dan penyebaran agama Islam.

Perpustakaan PSB juga dibuka kepada orang ramai untuk menjadi ahli. Beliau menerangkan bahawa keahlian Perpustakaan PSB adalah percuma dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat termasuk warga asing. Tempoh keahlian adalah selama lima tahun bagi pemegang Kad Pintar Kuning dan Ungu, manakala tiga tahun bagi pemegang Kad Pintar Hijau.

Sebagai perpustakaan khusus, semua bahan rujukan hanya dibenarkan untuk digunakan di dalam premis perpustakaan bagi memastikan keselamatan dan pemeliharaan bahan sejarah.

Mengulas mengenai perancangan masa hadapan, PSB berharap untuk terus memperkaya koleksi perpustakaan melalui pengumpulan bahan baharu, pendigitalan koleksi serta pementapan sistem pengurusan maklumat. Usaha ini bertujuan menyokong penyelidikan sejarah negara secara lebih menyeluruh di samping memastikan Perpustakaan PSB kekal relevan sebagai pusat rujukan sejarah utama NBD.

KENALI NEGARA KITA MELALUI PELANCONGAN DALAM NEGERI



THE Rizqun International Hotel merupakan salah satu tumpuan bagi orang tempatan dan juga pelancong luar negara untuk penginapan, lokasi strategik yang terletak di kawasan Gadong, berhampiran Pasar Pelbagai Barangan Gadong.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

GADONG, Sabtu, 27 Disember. - Melancong dalam negeri bukanlah sesuatu trend yang kurang menarik untuk dilakukan oleh segelintir keluarga yang mengambil keputusan untuk beriadah bersama keluarga lebih-lebih lagi musim cuti penghujung tahun sudah bermula, di samping dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan.

Sesetengah ibu bapa yang bekerja hampir sepanjang tahun, kini mengambil peluang untuk bercuti lama sempena musim cuti

persekolahan bagi meluangkan masa bersama keluarga serta memilih untuk bercuti dalam negeri berbanding ke luar negara.

Ini kerana bercuti dalam negeri mempunyai banyak kelebihannya tersendiri dan negara kita tidak kurang hebatnya mempunyai banyak tempat pelancongan yang menarik dan sesuai untuk dijadikan destinasi percutian.

Dengan adanya aktiviti perhotelan di Negara Brunei Darussalam dilihat semakin meningkat semasa musim

cuti persekolahan ini, di mana banyak pelancong tempatan menginap di hotel-hotel, bagi meluangkan masa bersama ahli keluarga.

Rata-rata mereka yang mengambil keputusan untuk bercuti dalam negeri dapat berpeluang untuk menerokai dan mengenali dengan lebih dekat tentang kebudayaan dan warisan negara sendiri yang kaya dengan pelbagai keindahan khazanah alam semula jadi serta tempat-tempat menarik seperti Taman Permainan Jerudong Park, Taman Rekreasi Tasek Lama, Tasik Merimbun, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Muzium Teknologi Brunei, menelusuri keindahan Kampong Ayer, menikmati keindahan pantai-pantai seperti Pantai Muara, Pantai Seri Kenangan dan banyak lagi.

Melancong di dalam negeri juga bukan sahaja boleh dinikmati oleh penduduk dan masyarakat setempat malah juga turut mengalu-alukan kedatangan para pelancong dari luar negara lebih-lebih lagi pada musim sejuk bagi negara-negara Eropah, kebanyakan para pelancong mengambil kesempatan untuk mengunjungi negara kita yang bermusim hujan dan panas semata-mata untuk menikmati keindahan alam semula jadi sambil berpeluang untuk meneroka tempat-tempat yang menarik di negara ini terutama tempat-tempat

yang 'hijau' di Daerah Temburong.

Di samping itu, mereka juga berpeluang untuk menikmati makanan-makanan tradisi seperti Ambuyat, kuih-muih tradisional serta pelbagai jenis juadah masakan kampung yang boleh sahaja mereka peroleh di Pasar Pelbagai Barangan Gadong yang terletak di kawasan Gadong dan malah di restoran-restoran di negara ini yang menjamin makanan yang bersih dan halal.

Pakej percutian juga turut disediakan dengan lapan jenis pakej tiga hari dua malam seperti di Ulu-ulu Resort, Frema Rainforest Lodge, Trandie Marina Resort, Sumbiling Eco Village, Borneo Trekker dan AZ Back to Nature yang terdiri dari pakej premium, keluarga, pakej budaya dan pengembaraan dengan tawaran harga yang menarik.

Usaha memajukan pelancongan domestik tidak harus dipikul oleh kerajaan sahaja. Rakyat juga perlu memainkan peranan dengan menjadi pelancong yang bertanggungjawab. Kebersihan destinasi perlu dijaga, kemudahan awam dihormati dan alam sekitar dipelihara agar keindahan tempat pelancongan dapat dinikmati untuk jangka masa panjang. Sikap tidak bertanggungjawab seperti membuang sampah merata-rata dan merosakkan kemudahan awam harus dielakkan.

Melancong dalam negeri bukan sekadar aktiviti mengisi masa lapang, malah menjadi wadah untuk memupuk rasa cinta akan tanah air. Dengan mengenali keindahan alam dan kepelbagaian budaya tempatan, rakyat dapat menghargai keunikan negara secara lebih mendalam.

SMNF Payau Farmtarik pelancong tempatan, antarabangsa



PADA setiap cuti persekolahan akan ada promosi-promosi yang diberikan dan disediakan. Bayaran yang dikenakan bagi lawatan sambil memberi makan payau-payau pada tahun 2026 adalah BND2 bagi kanak-kanak dan BND4 bagi orang dewasa dan warga emas.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Alishahrin Haji Mumin, Ihsan SMNF Payau Farm

TUTONG, Sabtu, 27 Disember. - Tujuan SMNF Payau Farm ditubuhkan adalah untuk memperkembangkan lagi penarikan pelancongan dari luar negara mahupun orang dalam negeri.

Antara aktiviti yang terdapat di SMNF Payau Farm yang terletak di Kampung Pad Nunok Lamunin, Kawasan Wasai Batu Mapan, Mukim Kiudang, Tutong ialah seperti melawat kawasan ladang dan memberi makan payau.

"InsyaAllah, kami akan membukakan Trek ATV dan Trek Latihan 4x4 Kereta Pacuan Empat Roda. Kami juga merancang untuk membuat tempat perkhemahan di dalam kawasan tersebut," jelas Pengurus Lawatan dan Perencanaan, SMNF Payau Farm, Dayang Nur Farhanah Nabilah binti Mohammed Norfaidzal.

Kongsi beliau lagi, pada masa ini Jambatan Gantung dalam proses 60 peratus dan SMNF Deerfarm Café kini dibuka bermula 29 Disember 2025 hingga 1 Januari 2026.

Menyentuh mengenai sejarah awal penubuhan ladang berkenaan, beliau menjelaskan, sejak tahun 80-an ladang tersebut telah ditubuhkan akan tetapi semenjak 10 bulan yang lalu pada tahun 2025 ini, Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin adalah pemilik baharu yang mengambil alih ladang ternakan payau tersebut.

Tambahnya, pengasas ladang tersebut ialah Awang Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin.

Aktiviti lawatan bagi orang ramai dibukakan pada Isnin, 29 Disember 2025 sehingga hingga 1 Januari 2026. Ladang tersebut akan beroperasi setiap hujung minggu iaitu pada Jumaat, Sabtu dan Ahad.

Tujuan sasaran bagi aktiviti lawatan tersebut hanya untuk pelancong dari luar negara dan minimum adalah bagi satu hari dibukakan untuk 50 orang sahaja.

Pada masa ini, setiap cuti persekolahan akan ada promosi-promosi yang diberikan dan disediakan. Bayaran yang dikenakan untuk masuk bagi lawatan sambil memberi makan payau-payau pada tahun 2026 adalah BND2 bagi kanak-kanak dan orang dewasa dan warga emas sebanyak BND4 setiap seorang.

Jam lawatan ke ladang tersebut bermula pada 9.00 pagi hingga 5.00 petang setiap Isnin hingga Khamis dan pada Jumaat, Sabtu dan Ahad bermula pada jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi bagi sesi pagi dan sesi petang bermula dari 1.00 hingga 5.00 petang.

Bagi keterangan dan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi menerusi talian +673 7218585 (Tasya) atau melayari Instagram @smnfpayaufarm.brunei.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

JAGA KESIHATAN DENGAN MENGAMALKAN CARA HIDUP YANG SIHAT:



**Bersenam sekurang-kurangnya
30 minit setiap hari.**

**Mengamalkan minum air putih
sekurang-kurangnya 8 gelas setiap hari.**





Mengamalkan permakanan yang sihat.

**Pengambilan makanan secara sederhana iaitu
makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang.**





Tidur yang cukup.



PDI_KHEU



PUSAT DA'WAH ISLAMIAH



MINDA ISLAMI

سروك فرقي

كعجاين صدقه

صدقه كران فربواتن سدميكن حكومن اداله حرام دان مروسقن عملن برصدقه ايت. حال اين اد دجلسكن دالم القرآن سباكيما فرمان الله ﷻ دالم سورة البقرة آية ۲۶۴ يڠ تفسيرن: واهي اورغ-اورغ يڠ برلمان! جاعنله كامو مروسقن (فها) صدقه-صدقه كامو دغن مغاوغكيت دان مياكيي سقرتي (روسقن فها) اورغ يڠ مبلنجاكن هرتان كران رياء (منونجوق-نونجوق) كقد مانسي، دان دي فولا تيدق برلمان كقد الله دان هاري اخيره. مك فراومقمان اورغ ايت اداله سقرتي باتو ليحين يڠ اد تانه داتسن كمودين باتو ايت دتيما هوجن يڠ ليت سهيفك منجاديكن برسيه ليحين (تيدق برتانه لاي). (دمكيته جوك حالن اورغ-اورغ كافر دان رياء ايت)، مريك تيدق اكن منداقت سسواتو (فها) فون درقد اف يڠ مريك اوسهاكن. دان الله تيدق ميري فونجوق كقد قوم يڠ كافر.

جماعه يڠ درحمي الله، الحمد لله دنكارا كيت بروني دارالسلام، فلوغ اونتوق برصدقه اتاو مغانفقن هرتا باكي مبيينا مسجد اد دسدياكن ملالوي تابوغ دانا باكي فمبينان مسجد، نكارا بروني دارالسلام، اوله يڠ دمكين، اورغ رامي خصوصن رعية دان فندودوق دنكارا اين اداله دسرو انتوق سام-سام مغمبيل فلوغ دان كسمقن كامسن اين انتوق ملاكوكن عمل جارية دان منانم ساهم داخيره.

سومباغن كقد تابوغ بركنان بوليله دبوات ملالوي فموتوغن واغ ملالوي اراهن تنف كقد يثك، فموتوغن كاجي باكي فكاوي دان كاكي تاغن كراجان، سوميغن سجارا تروس كدالم اكاون تابوغ دانا، مبرهكن سوميغن كجبانن حال احوال مسجد، مندرما ملالوي تابوغ-تابوغ دانا يڠ دلنقن دققة-ثقة ترنتو سقرت مسجد-مسجد، سوراو-سوراو ، بالاي-بالاي عبادة، باغون-باغونن ترنتو، فرخدمن فسنن ريغكس دان سباكي.

سسوگكوهن عملن برصدقه ايت دكالفكن اوليه اكام اسلام. اي مقويباي بايق كليهن دان كعجاين. مريك يڠ ملاكوكن دكاسيبي اوليه الله ﷻ مانكلا اورغ يڠ برصدقه بخيل اتاو كدكوت فولا ساعت دبنجي اوليه الله ﷻ دان اكن دبريكن بالسن سيقسا يڠ فديه داخيره كلن. اوليه يڠ دمكين، ماريله كيت مغمبيل فلوغ دغن مبلنجاكن سباكي هرتا يڠ دكورنياكن الله ﷻ كقد كيت دغن برصدقه. كيت بردعاء سموك كيت سمو دكورنياكن صفة فموره دان دجاوهكن دري صفة كدكوت. آمين يا رب العالمين

تفسيرن: دان كامو تيدق فولا مبلنجاكن (سسواتو) ملايكن كران مغهارفكن كريضان الله. دان اف جوا هرتا يڠ كامو بلنجاكن، اكن دسمقورناكن (كنجارن فهان) كقد كامو. دان كامو فولا تيدق دانباي (تيدق دكورغكن فها). {سورة البقرة آية: ۲۷۲}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَاسْتَغْفِرِ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاتِيَةِ.

دان صدقه ايت فولا ستنون تيدق ترحد فدا واغ اتاو هرتا سهاج بهكن ترماسوق جوك علمو يڠ داكرن، خدمت يڠ برمنفعة، تناك يڠ دهولوركن دان فرتولوغن يڠ مريغكن اورغ لاي. سمو ايت دنباي صدقه دان اكن دبالس الله ﷻ دغن بالسن يڠ ليه بايك سرت دبوكاكن فيتو-فيتو رزي باكي يڠ اخلاص.

سلاين ايت، برصدقه جوك مروفاكن عملن يڠ بسر فاندن. دغن اذن الله ﷻ صدقه دافت منجادي سبب فونلق بلاء، مباوا فناور دان اوبت باكي فباكت، اورغ يڠ سريغ برصدقه جوك اكن مفرأوليبي ناوغن الله ﷻ فد هاري اخيره، مبيتو دان مليندوغي ديري درقد عذاب آفي تراك دان دسدياكن فيتو شرك يڠ خاص هان اكن دافت دماسوقي اوليه اورغ يڠ برصدقه. برصدقه جوك مبيتوق عملن يڠ مليا: مغهبلغن صفة سومبوغ، صفة كدكوت دان بخيل سرت موبجيكن جيو درقد جيتنا دنيا يڠ برليهن. مك كوكوهكنله عملن صدقه، كران قدن ادا فنولن بالا، دان دغنن الله ﷻ مليندوغي كيت دري كجاهتن دان مصيبة.

جماعه يڠ درحمي الله، باكي منجاقي كسمقورنان عملن برصدقه، اد تيك فركارا يڠ فرلو دكتهوي:

فرتام : بارغ يڠ دصدقهكن ايت هندقله بايك دان ايلوق. اداله تيدق واجر سكران بندا يڠ دصدقهكن ايت جك دصدقهكن كقد كيت، كيت سنديري تيدق ميوكلين دان تيدق ريل منريمان. بيارله يڠ دصدقهكن ايت درقد بندا-بندا يڠ دسني اوليه فريمان، كران ايله الله ﷻ ملاغ برصدقه دغن بندا-بندا يڠ تيدق بايك. فرمان الله ﷻ دالم سورة البقرة آية ۲۶۷ يڠ تفسيرن: واهي اورغ-اورغ يڠ برلمان! بلنجاكنله (قد جالن الله) سباكي درقد (هرتا كامو) يڠ بايك-بايك (حاصل درقد) اف يڠ كامو اوسهاكن دان سباكي درقد اف يڠ كامي تله كلواركن اونتوق كامو دري بومي (سقرتي ييحي-ييجين، بواه-بواهن دان كالين). دان جاعنله كامو سهاج ميلميه يڠ بوروق درفلن (سباكي زكاة دان صدقه) سلعكن كامو سنديري تيدق اكن مغمبيل يڠ بوروق ايت (كالو اي دبريكن كقد كامو) كحوالي كالو كامو ترفقسا منريمان دغن ممحكن مات فلن. دان كتهويله سسوگكوهن الله ﷻ مها كاي لايي مها ترفوجي.

كلوا: سسواتو يڠ دصدقهكن ايت هندقله درقد يڠ حلال، بوكن حرام اتاو شبيهة.

كتيك: اداله سنة باكي فميري صدقه ايت برصدقه درقد بندا-بندا يڠ دسوكاي دان دساغيغن. اين جلس سباكيما فرمان الله ﷻ دالم سورة آل عمران آية ۹۲ يڠ تفسيرن: كامو سكال-كالي تيدق اكن دافت منجاقي (حقيقت) كبكيان (يڠ ممقورنا) هيغك كامو منفقهن سباكي درقد اف يڠ كامو ساغي. دان اف سهاج يڠ كامو نفقهكن ايت مك سسوگكوهن الله ﷻ مها مغتهوين.

فرلو دايعت جوك، جك كيت برصدقه، مك هندقله دسرتاي دغن كاخلاصن، بوكن دغن مغاوغكيت-اوغكيت دان مياكيي اورغ يڠ منريما

جماعه يڠ درحمي الله، برتقوي له كيت كحضرة الله ﷻ دغن منيغكنن كليمان كقدن. سسوگكوهن اورغ يڠ فاليغ مليا ديسي الله ﷻ دنباي ايت ايله اورغ يڠ فاليغ برتقوي. موده-مودهن كيت منجادي انسان يڠ ستناس مغايغي الله ﷻ براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيره.

جماعه يڠ درحمي الله، رزي اداله انتارا فركارا يڠ منجادي رهسيا الله ﷻ تيدق ادا سساورغ فون ددنيا اين يڠ مغتهوي تنغ رزي يڠ دكورنياكن الله ﷻ كقدن، سام ادا بايق اتافون سديكت. نامون اف يڠ فسني، ستياف مخلوق يڠ هيدوف دموك بومي اين تله دجامين رزيين اوليه الله ﷻ

افيل الله ﷻ ملافغن رزيي كيت دان مغورنياكن كيت هرتا يڠ ليه، اي بوكنله اونتوق كيت برمكه-مكه اتاو بوروس برلنجا، اكن تنافي اونتوق كيت ليه ميري. اين كران دالم ستياف رزيي اتاو هرتا يڠ كيت فرأوليبي ايت تردافت جوك حق اورغ لاي ددلمن. رزيي يڠ كيت فرأوليبي بوكن هان دكورناكن اونتوق كفتيغن ديري كيت سنديري، اكن تنافي اي جوك بويه دمنغمكن اونتوق دنفقن كجالن يڠ دريضاي الله ﷻ يايث دغن جارا برصدقه، مندرما، مغلواركن زكاة، بروقف دان ساومقامن.

دالم اكلام اسلام، كيت ايت دكالفكن اونتوق برصدقه دان بنتو مبيتو انتارا ساتو سام لاي. انجورن مبلنجاكن هرتا دجالن الله ﷻ دجلسكن ددالم القرآن، سباكيما دالم سورة المنافقون آية ۱۰:

تفسيرن: دان بلنجاكنله سباكي درقد رزيي يڠ كامو كورنياكن كقد كامو سلوم كمانين داتغ كقد ساله ساورغ درقد كامو لالو دي فون بركات: "يا توهنكرا! الفكه بايكن كالو اغكاو نغكهكن كمانينكو هيغك براه وفتو لايي سوفي اكو دافت برصدقه دان اكو ترماسوق دالم كولوغن اورغ-اورغ صالح."

جماعه يڠ درحمي الله، تردافت بايق كليهن دان كاستيموان يڠ تله الله ﷻ دنباي جنجيكن كقد اورغ يڠ سريغ برصدقه دان مبلنجاكن هرتا مريك قد جالن الله ﷻ انتاران ايله دوسا دافت دهافوسكن ملالوي برصدقه، سباكيما فرمان الله ﷻ دالم سورة البقرة آية ۲۷۱:

تفسيرن: جك كامو ظاهركن صدقه-صدقه ايت مك يڠ سدميكن اداله بايك. دان جك كامو ميمبويكن دان كامو بريكن كقد اورغ-اورغ فقير مك اي اداله (ليه) بايك باكي كامو. دان الله ﷻ مها تليي ترهادف اف يڠ كامو كرجاكن.

سسوگكوهن صدقه تيدق اكن مغورغن هرتا بهكن اي منجادي سبب برقمهن كبركن دان كلواسن رزيي دري جالن يڠ تيدق دسغا-سغا. اين سباكيما دالم سيواه حديث، درقد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسيدا: مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ.

مقصودن: صدقه تيدق اكن مغورغي هرتا. {حديث رواية إمام مسلم}

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْثَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَئُوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ ممباوا كبراونتوغن ساحت بسر كقد فثعملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Nama Dokumen
Sebut Harga:**
25 / DBP / SH / 2025-2026
Mencetak Buku Terbitan Dewan
Bahasa Dan Pustaka Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga /
Tawaran:**
Rabu,
31 Disember 2025



Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
27 / DBP / SH / 2025-2026
Pembekalan Dan Pemasangan
Solar LED Flood Lights Dewan
Bahasa Dan Pustaka,
Berakas.

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
8 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**Bilangan dan Nama Dokumen
Sebut Harga:**
26 / DBP / SH / 2025-2026
Tawaran Kerja-Kerja
Perkhidmatan Pengangkutan Dan
Pembuangan Sampah Di
Bangunan Dewan Bahasa &
Pustaka Berakas, Bangunan Flat
Dewan Bahasa Dan Pustaka Ong
Sum Ping Dan Blok EF23,
Kampung Beribi, Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
8 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran /
Sebut Harga:**
(161) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)
Membekalkan Album Gambar

Yuran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
8 Januari 2026,
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**

ADMIN / 2025-2026 / SH-04
To Supply and Deliver Printers &
Replacement Ink / Toner for
Department Of Civil Aviation,
Ministry of Transport and
Infocommunications.

**Dokumen Sebut Harga bolehlah
diperoleh:**

Kaunter Seksyen Kewangan
Aras Bawah
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan
Penerbangan Awam
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
14 Januari 2026
jam 2.00 Petang



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam**

Kelas:
III, IV atau V

Kategori:
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Sabtu,
3 Januari 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat
Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam

JASTRE / BL / T032 / 2025
Kerja-Kerja Penambahbaikan
Dan Pemeliharaan Landskap Di
Kawasan Landskap Baru Di
Lebuhraya Tungku (Phase 2)

No. Projek:
JASTRE / BL / T032 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam**

Kelas:
II, III Atau IV

Kategori:
S01 Atau S02

Tarikh Buka Tawaran pada:
Rabu,
29 Disember 2025

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
20 Januari 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
27 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

JASTRE / ADM / T031 / 2025
Penyediaan Perkhidmatan
Janitorial Untuk Bangunan
Jabatan Alam Sekitar, Taman
Dan Rekreasi, Airport Lama
Berakas Untuk Tempoh Dua (2)
Tahun.

No. Projek:
JASTRE / ADM / T031 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Non Refundable)



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 54
To Provide Event Management
Services For Tourism Award
Ceremony & Appreciation Night
January 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 8 Januari 2026,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
23 / BBS / SH / 2025 - 2026

Keterangan Projek:
Kerja - Kerja Memasang Sinta
Aras Satu (1) Pasar Lama,
Jalan Mckerron, Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan,



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0067 / 2025
To Supply Oil Spill Response Kit
Including Additional Materials For
Capture Fisheries Industry And
Marine Ecosystem Division,
Department Of Fisheries

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
8 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
[KA01]

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang
Selasa,
6 Januari 2026

Bilangan:
JKR / DOR / SRC 24 / 2025

Nama Projek:
Menaiktaraf Jalan Tutong - Pakej
3 (Pembinaan).

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 005
[JPPK / LTN / 03 / 2025]
Structural Integrity Assessment Of Various Accommodation And Operational Buildings Within MINDEF Establishments

Kelas:
VI dan ke Atas

Kategori:
KA01 dan / atau KPB18

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sembilan (09) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Selasa, 27 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (QS)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (QS)]
Quantity Surveyor Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS
at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026
(Selasa)
Jam 2.00 petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (ARCH)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (ARCH)]
Architect Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS
at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026
(Selasa)
Jam 2.00 petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (M&E)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (M&E)]
Mechanical & Electrical Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026 (Selasa)
Jam 2.00 petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (C&S)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (C&S)]
Civil & Structural Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026 (Selasa)
Jam 2.00 petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran
Kementerian Pertahanan

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / TL / TA / 8002
Permohonan Pembelian Lima (5) Jenis Kasut-Kasut Untuk Kegunaan Pegawai-Pegawai Dan Anggota-Anggota Lelaki Dan Wanita Tentera Laut Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 13 Januari 2026**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
20 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
11 / DISEMBER / 2025 / PSB / PD.575

Kursus Penggunaan Artificial Intelligence (A.I.) Dalam Kerja Seharian Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
15 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MFA / DPP / 03 / 2025
Supply And Delivery Helicopter - Underslung With Load Equipments:-

- a) Strop (Husle Lifting, Single Leg 6M 460) – 2 Units
- b) Cargo Net (Net-Husle, SWL 4536 KG (10000LB) – 3 Units
- c) Cargo Net (Net - Husle, SWL 2268 KG (5000LB) – 3 Units

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.



Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

KETAHUI SUMBER GARAM ANDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebij
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebij ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko anda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123



جوالن سالیئنن گنمبر ۲ دیکیتل
JUALAN SALINAN
GAMBAR-GAMBAR DIGITAL

**HARGA JUALAN**

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
 Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan
 satu keping cd adalah BND21.
 (Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)** dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

**IBU PEJABAT
JABATAN PENERANGAN**

**JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

**GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN**

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis

8.00 Pagi – 12.00 T/hari

2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu

8.00 Pagi – 11.00 Pagi

**InfoDeptBN**

**Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam**



infodept.bn

**infodept_bn**

MUSIM DURIAN MAMPU TINGKATKAN SOSIOEKONOMI PENGUSAHA TEMPATAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 Disember. - Musim durian yang tiba setiap tahun sentiasa dinanti-nantikan oleh penggemar raja buah itu, bukan sahaja kerana keenakan rasanya yang tersendiri, malah kerana limpahan rezeki yang dibawanya kepada peniaga kecil dan penduduk tempatan yang mengusahakan kebun durian.

Sepanjang musim ini, suasana di tepi jalan, pasar malam dan kawasan kampung menjadi lebih meriah dengan kemunculan gerai-gerai durian yang tumbuh ibarat 'cendawan tumbuh selepas hujan'.

Pelbagai jenis durian tempatan ditawarkan, antaranya durian kampung, durian merah dan durian kuning.

Selain itu, terdapat juga durian daripada baka premium termasuk Musang King, Duri Hitam dan

Monthong.

Buah-buahan yang dijual kebanyakannya ditawarkan pada harga yang berpatutan, sekali gus menarik minat orang ramai untuk menikmati hasil tempatan serta durian import dari negara jiran seperti Thailand dan Malaysia. Sambutan yang diterima amat menggalakkan, khususnya pada musim cuti persekolahan apabila orang ramai mengambil kesempatan untuk membeli durian bersama keluarga dan rakan-rakan.

Bagi para peniaga, musim durian dianggap sebagai peluang keemasan untuk menambah pendapatan keluarga. Selain menjual durian segar, sebahagian peniaga turut mempelbagaikan jualan dengan menawarkan produk berasaskan durian seperti pulut durian, bubur durian, ais krim

PARA peniaga turut menganggap musim durian sebagai peluang keemasan untuk menambah pendapatan keluarga.

durian serta pelbagai jenis kek dan pencuci mulut bagi memenuhi cita rasa pelanggan yang semakin pelbagai.

Kreativiti ini bukan sahaja menambah nilai komersial durian, malah membantu meningkatkan hasil jualan sepanjang musim tersebut.

Menurut seorang peniaga tempatan, hasil jualan durian pada musim ini mampu menampung keperluan harian keluarga serta membantu perbelanjaan persekolahan anak-anak terutama dalam menyediakan buku-buku kerja dan peralatan pembelajaran.

"Alhamdulillah, musim durian memang membawa rezeki. Walaupun ia bermusim, hasilnya sangat membantu kami sekeluarga," katanya sambil menzahirkan rasa syukur atas rezeki yang diterima.

Selain peniaga kecil, pemilik kebun durian turut menikmati hasil titik peluh mereka setelah bertahun-tahun mengurus dan menjaga kebun. Ada yang memilih untuk menjual durian terus dari kebun kepada pembeli, manakala sebahagian yang lain membuka kebun durian mereka kepada orang ramai bagi memberi pengalaman

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



memetik dan menikmati durian segar secara langsung. Pendekatan ini bukan sahaja menarik kehadiran pengunjung, malah turut mempromosikan durian tempatan sebagai produk agro yang bernilai tinggi.

Musim durian bukan sekadar memberi kesan positif kepada ekonomi peniaga kecil dan pemilik kebun, malah turut mengeratkan hubungan sosial dalam kalangan masyarakat. Aktiviti berniaga bersama, berkongsi hasil durian

serta kunjungan ke kebun menjadi medium yang menghidupkan suasana kampung dan memupuk semangat kerjasama serta kebersamaan.

Dengan rezeki yang hadir mengikut musimnya, durian terus menjadi simbol kurniaan alam yang bukan sahaja memuaskan selera penggemarnya, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi dan keharmonian masyarakat setempat.

Trend 'thrift' bantu pengguna berjimat, menyokong ekonomi



RIMBA, Sabtu, 27 Disember. - Pesta Disember Brunei (BDF) terus menjadi tumpuan orang ramai apabila diisi dengan pelbagai acara, jualan dan aktiviti menarik yang memberi manfaat besar kepada ekonomi negara serta rakyat sebagai pembeli amnya.

Sepanjang penganjuran festival ini, pelbagai promosi, jualan

murah dan tawaran istimewa ditawarkan oleh peniaga tempatan, sekali gus memberi peluang kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan dan kehendak pada harga yang lebih berpatutan, selain diharap akan dapat membantu rakyat merancang perbelanjaan dengan lebih bijak.

Peningkatan aktiviti jual beli sepanjang BDF ini turut merangsang perbelanjaan domestik, di mana rakyat digalakkan untuk menyokong produk dan perkhidmatan tempatan. Aliran perbelanjaan dalam negara ini secara tidak langsung menyumbang kepada pertumbuhan Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Sehubungan itu, Thryffy Technologies Sendirian Berhad baru-baru ini telah menganjurkan

Thrift and Chill 2025 bertempat di aras atas, Rimba Point.

Turut diadakan ialah aktiviti kolaboratif bersama Rimba Point seperti *prize giveaways* dan pengalaman menarik lain untuk pengunjung.

Trend pakaian terpakai atau *thrift* yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat turut menjadi antara tarikan sepanjang festival ini. Pembelian pakaian *thrift* membolehkan pengguna memperoleh barangan berkualiti pada harga yang jauh lebih rendah berbanding pakaian baharu, sekali gus membantu mereka berjimat dan mengurus kewangan dengan lebih berhemah.

Dari sudut ekonomi, aktiviti *thrift* membuka peluang pendapatan kepada usahawan kecil dan peniaga tempatan yang menjadikan pakaian terpakai sebagai perniagaan. Permintaan yang semakin meningkat terhadap barangan *thrift* menunjukkan perubahan sikap pengguna ke arah perbelanjaan lebih mampan dan berdaya saing.

Di samping itu, amalan membeli pakaian terpakai turut menyumbang kepada usaha mengurangkan pembaziran dan sisa tekstil, selaras dengan kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Secara keseluruhannya, BDF bukan sahaja berperanan sebagai platform hiburan dan perayaan, malah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi tempatan, penguatan perniagaan kecil serta penerapan amalan perbelanjaan bijak dalam kalangan rakyat.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



SUASANA pada Thrift and Chill 2025 yang diadakan di Rimba Point (atas dan atas kiri).


جابتن تناک
JABATAN TENAGA
JABATAN PERENCANAAN DAN KEMAMPUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TIP PENJIMATAN TENAGA

ALAT PENDINGIN HAWA



Selaraskan suhu di antara paras 23°C hingga 25°C.



Bersihkan penapis udara dari semasa ke semasa.



Pastikan penyelenggaraan pendingin hawa dilakukan secara berkala.



IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. **Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.**



IMBASAN MINGGUAN



PERSEMAHAN seni budaya berasaskan pantun menyerikan lagi Majlis Meraikan Pantun ke Senarai Representatif Warisan Budaya Tak Ketara UNESCO 2025.
- Foto : Alishahrin Haji Mumin.

FOOD Festival and Live Music Nights menyediakan platform untuk penyanyi, penari dan penghibur tempatan menonjolkan bakat kreatif masyarakat kitani.
- Foto : Nurdiyanah Rajami.



PELBAGAI aktiviti menarik termasuk pameran hobi, permainan serta jualan barangan koleksi unik memeriahkan acara Hobby Fest di Pusat Persidangan Antarabangsa yang mampu menarik perhatian pengunjung daripada semua peringkat umur (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan). - Foto : Azmah Haji Ahad.



THE BMW Brunei International Half Marathon (BIHM) 2025 mencerminkan komitmen BMW Brunei dalam mempromosikan gaya hidup aktif selain mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu destinasi sukan terbaik di rantau ini. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



Rentetan Peristiwa Sepanjang Tahun 2025

Oleh : Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

Berangkat ke Majlis Perasmian Persidangan SEAMEO Ke-53

JERUDONG, Selasa 1 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menghadiri Majlis Perasmian Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMO) Kali Ke-53 bertempat di The Empire Brunei.

Masjid baharu RPN Kampung Lugu dijangka siap Julai 2026

LUGU, Selasa 1 Julai. - Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu bagi Penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lugu dan sekitarnya yang dijangka siap pembinaannya pada bulan Julai 2026. Keseluruhan kapasiti masjid baharu tersebut mampu menampung seramai lebih kurang 2,500 jemaah dan kemudahan yang disediakan termasuk bilik kuliah, bilik perpustakaan, bilik pengurusan jenazah, tandas serta tempat letak kereta termasuk tandas dan tempat letak kereta untuk Orang Kelainan Upaya.

Berangkat mengurniakan Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025

BERAKAS, Rabu, 2 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang juga selaku Penaung Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota (The Crown Prince Special CIPTA Award) 2025 berkenan berangkat ke Majlis Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota (The Crown Prince Special CIPTA Award) 2025 seterusnya berkenan mengurniakan hadiah kepada para pemenang. Majlis berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke KHEU

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis, di sini.

Semasa keberangkatan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengajukan beberapa pertanyaan untuk dijawab oleh KHEU dan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) secara bertulis mengenai pengagihan zakat, JUZWAB.

Projek Net-Zero Shrimp Aquaculture, AI Integration Hab Pertama di Asia Tenggara

SERASA, Isnin, 7 Julai. - Syarikat Jets Sdn. Bhd. (Jets), sebuah syarikat akuakultur, berserta

dengan syarikat induknya, iaitu DABANG Group, sebuah syarikat pembekal aset digital yang terama secara rasminya melancarkan pangkalan akuakultur udang yang pertama di Asia Tenggara.

Projek yang berlangsung di Kawasan Pusat Perikanan Serasa, di sini akan diintegrasikan dengan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) serta berciri Net-Zero Emission.

Mengukuhkan hubungan pendidikan tinggi antara Asia Tenggara, Afrika Utara

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Julai. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Cadi Ayyad University (UCA), Maghribi telah merasmikan kerjasama mereka dengan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) pada 4 Julai 2025. MoU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor, Dr. Hazri Haji Kifle bagi pihak UBD; manakala Presiden UCA, Blaid Bougadir pula menandatangani bagi pihak UCA dan disaksikan oleh pegawai kanan, ahli akademik dan wakil kedua-dua institusi.

BIBD, BSI perkukuh kerjasama dalam pembiayaan perdagangan patuh syariah

JAKARTA, Isnin, 7 Julai. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) merasmikan perjanjian Islamic Risk Participation yang strategik dengan Bank Syariah Indonesia (BSI), meningkatkan lagi kerjasama dalam pembiayaan perdagangan patuh syariah dan integrasi kewangan serantau. Perjanjian tersebut, ditandatangani pada Ekspo Antarabangsa BSI 2025 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Jakarta membolehkan BIBD dan BSI bekerjasama dalam urus niaga pembiayaan perdagangan seperti surat kredit dan jaminan, dengan tumpuan pada pengaturan perkongsian risiko yang sejajar dengan prinsip Islam.

Pengemaskinian kos rawatan perkhidmatan kesihatan disertakan beberapa pengecualian

BERAKAS, Khamis, 10 Julai. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Pengemaskinian Dasar Caj Perkhidmatan Kesihatan memaklumkan bahawa pelaksanaan Pengemaskinian Dasar Caj Perkhidmatan Kesihatan telah bermula pada 1 Julai 2025 yang disertakan dengan beberapa pengecualian daripada bayaran.

Pelaksanaan dasar baharu perlindungan insurans perubatan

BERAKAS, Khamis, 10 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman melalui Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan menjelaskan telah akan melaksanakan dasar baharu perlindungan insurans perubatan bagi Penduduk-penduduk Tetap dan pemegang Pas-pas Imigresen yang telah berkuat kuasa pada 1 Julai 2025 bagi Fasa Pertama serta akan diteruskan pada Fasa Kedua pada 1 Januari 2026.

Teliti kaedah pendekatan kerja selaras landskap sosial, keperluan semasa

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79 di Istana Nurul Iman.

UNISSA tersenarai 400 terbaik WURI 2025

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus mencipta nama di peringkat global dalam landskap inovasi apabila berjaya tersenarai dalam kelompok 400 terbaik The World University Rankings for Innovation (WURI) 2025. Dalam sistem penarafan yang melibatkan penyertaan 1,253 buah universiti daripada 87 buah negara, UNISSA meraih kedudukan Ke-201 secara keseluruhan.

Berangkat menghadiri Majlis Penutup Advanced Command and Staff Course Ke-28

LONDON, UNITED KINGDOM, Jumaat, 18 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Majlis Penutup Advanced Command and Staff Course (ACSC) Ke-28 yang berlangsung di Cormorant Hall Lecture Theatre, Joint Services Command and Staff College, Akademi Pertahanan United Kingdom, Shrivenham, United Kingdom. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengurniakan Pass Staff College (Joint) Certificate dan Pin Cormorant kepada anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang berjaya menamatkan Advanced Command and Staff Course (ACSC) Ke-28.

Kepentingan mengekalkan momentum, memastikan kemajuan berterusan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi Syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Ventures (BSJV) dan Brunei Gas Carriers (BGC) berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-226 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah BGC Ke-112 bagi Suku Kedua Tahun 2025. Mesyuarat-mesyuarat tersebut menandakan genap satu tahun sejak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memegang jawatan sebagai Pengerusi Syarikat-syarikat BSJV dan BGC.

Amalkan piawaian tertinggi dalam keselamatan, prestasi, akauntabiliti

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-415 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-193 bagi Suku Kedua Tahun 2025. Mesyuarat tersebut berlangsung di bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Khatam Al-Quran 79 Kali khas buat Ulii Amri dikasihi rakyat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat pada Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Penandatanganan kontrak DPMM FC bersama pemain, penaja

GADONG, Selasa, 5 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi DPMM FC berkenan berangkat menyaksikan majlis Penandatanganan Kontrak Kelab Bola Sepak Duli Pengiran Muda Mahkota (DPMM FC) bersama pemain-pemain dan penaja-penaja bagi Kejohanan Liga Super Malaysia Musim 2025/2026 telah berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Berangkat tiba di Republik Singapura

REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 8 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam selamat berangkat ke Republik Singapura menghadiri Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-60 Tahun atas undangan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.



>> Muka 20

Berkenan berangkat ke Majlis Resepsi Pre-Parade, Upacara Perbarisan

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 9 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan berangkat ke Majlis Resepsi Pre-Parade yang dihoskan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui dan ke Majlis Santap Petang yang dihoskan oleh Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong berlangsung di Grand Hyatt Singapore.

Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan ditubuhkan

TUTONG, Isnin, 11 Ogos. - Penubuhan Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan bakal menyediakan program pengajian peringkat tinggi dalam bidang pelancongan di samping bidang sains halal sebagai usaha mendukung industri halal dan pelancongan negara.

Berangkat menyempurnakan Pelancaran Penubuhan Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), bertempat di UNISSA, Kampus Sinaut, Tutong, di sini.

Pelajar negara terima pengiktirafan antarabangsa

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Ogos. - Empat karya seni dari Negara Brunei Darussalam (NBD) telah terpilih untuk dipamerkan di Festival Seni Antarabangsa bagi Pelajar Sekolah Menengah (International High School Art Festival) yang dianjurkan oleh International Foundation for Arts & Culture (IFAC). Mewakili NBD di festival dan Majlis Penganugerahan Rasmi ialah Dayang Aina Adrianna binti Ariffeen, pelajar dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong, yang memenangi tempat pertama dalam pemilihan peringkat kebangsaan dengan karya seni bertajuk 'National Pride'. Selain karya seni Dayang Aina Adrianna, tiga lagi karya seni dari NBD turut dipamerkan di National Art Centre, Tokyo. Pengiktirafan antarabangsa ini menjadi bukti kepada kreativiti dan potensi besar anak-anak muda tempatan, sekali gus memberi inspirasi kepada mereka untuk terus mengejar minat serta membentuk masa depan seni NBD.

Sumber inspirasi seluruh rakyat jelata

JERUDONG, Isnin, 8 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemanha Pengiran

Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan baginda berdua, yang dianjurkan oleh Pembesar-pembesar Negara, berlangsung di Royal Berkshire Hall, Tarindak d'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong. Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berlangsung pad 29 Julai 1965, yang mana tahun ini menandakan Jubli Intan Perkahwinan baginda berdua.

Hubungan NBD, Malaysia kekal erat, mesra

KUALA LUMPUR, Selasa, 26 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Negara ke Malaysia dengan menghadiri Majlis Sambutan Kenegaraan, Majlis Mengadap dan Majlis Santap Negara bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim. Keberangkatan Negara tersebut adalah atas undangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Taman hidroponik terapeutik The Healing Space dilancarkan

KIARONG, Isnin, 1 September. - Taman hidroponik terapeutik yang dikenali sebagai The Healing Space telah dilancarkan pagi tadi di Bungalow 7, Pusat Rehabilitasi Psikiatrik, Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Kampung Kiarong sebagai salah satu usaha untuk menyokong pemulihan mental pesakit secara holistik semasa kemasukan ke dalam wad untuk rehabilitasi jangka masa panjang.

Mushaf UTB : Lambang integrasi iman, ilmu tradisi akademik universiti

BERAKAS, Rabu, 3 September. - Konvokesyen UTB Ke-13 bagi Tahun 2025 berlangsung pagi tadi, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UTB berkenan melancarkan Mushaf UTB berkenaan, yang diikuti dengan laungan takbir 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali. Buat julung kalinya, Mushaf UTB tulisan tangan telah dijulung dan diarak sebagai mengetuai perarakan Majlis Konvokesyen tersebut.

Perasmian Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis

Perasmian Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Al-Rawdah Al-Sharifah dan Al-Hujrah Al-Nabawiyyah anjuran Bersama Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dan Ilma Events Sendirian Berhad. Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang akan berlangsung selama lebih dua bulan, mulai 4 September sehingga 13 November 2025 akan menampilkan replika Rawdah yang ada di Masjid Nabawi di Madinah dan juga Rumah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang Baginda diami bersama Sayyidatina Aisyah Radiallahuanha.

Seria terima Anugerah ESC Ke-6

LANGKAWI, MALAYSIA, Ahad, 7 September. - Seria telah dipilih sebagai salah sebuah bandar yang menerima Anugerah 6th ASEAN Environmentally Sustainable Cities (ESC) pada 3 September 2025 di Langkawi, Malaysia. Anugerah ini merupakan inisiatif di bawah ASEAN Working Group on ESC yang bertujuan memberikan pengiktirafan kepada bandar-bandar ASEAN yang menunjukkan kepimpinan serta kecemerlangan dalam memajukan agenda pembangunan bandar mampan berteraskan kelestarian alam sekitar.

Menguukuhkan inisiatif pencegahan jenayah penipuan dalam talian

GADONG, Isnin, 8 September. - Bagi mempertingkatkan kesedaran orang ramai dan mengukuhkan inisiatif pencegahan jenayah penipuan dalam talian di Negara Brunei Darussalam (NBD), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan Sidang Media Khas di Dewan Auditorium Ibu Pejabat Polis, Jalan Tungku Link, di sini, petang tadi. Dalam kenyataan di Sidang Media berkenaan, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris antara lain menegaskan bahawa peningkatan laporan kes penipuan dalam talian, khususnya 'Macau Scam', merupakan trend yang amat membimbangkan.

Berkongsi amalan terbaik, inovasi dalam pencegahan, kawalan NCD

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 September. - Pameran dan Persidangan Antarabangsa Penyakit Tidak Berjangkit (Non-Communicable Diseases (NCD) pertama di Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan persidangan antarabangsa yang julung-julung kalinya diunkayahkan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dan Gleneagles JPMC (GJPMC). Persidangan berkenaan berlangsung selama lima hari bermula 8 hingga 12 Oktober 2025, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

FWC : Memperkukuh pemahaman kewangan, meluaskan keterangkuman komuniti

GADONG, Isnin, 8 September. - Bank Baiduri hari ini merayakan satu pencapaian penting dalam usaha memperkasa komuniti dengan pelancaran rasmi Pusat Kesejahteraan Kewangan (Financial Wellness Centre - FWC), iaitu fasiliti pertama seumpamanya di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang didedikasikan

untuk memperkukuh literasi kewangan dan menyediakan bimbingan peribadi untuk individu di setiap peringkat kehidupan. Pelanggan yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang FWC boleh melayari www.baiduri.com.bn/personal/banking/financial-wellness-centre, untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pusat berkenaan, akses kepada alat kewangan interaktif, dan borang tempahan untuk menjadualkan perundingan sama ada melalui telefon ataupun di pusat bank.

Memperkukuh peranan Pendakwa Raya menegakkan kedaulatan undang-undang

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 September. - Negara-negara ASEAN meraikan satu pencapaian bersejarah dengan Penandatanganan Deklarasi Sanur Bali, yang secara rasminya menubuhkan ASEAN Prosecutors / Attorneys General Meeting (APAGM). Badan baharu ini akan menjadi tonggak penting bagi kerjasama perundangan serantau, memperkukuh peranan Pendakwa Raya / Pejabat Peguam Negara dalam menegakkan kedaulatan undang-undang, menyampaikan keadilan menyeluruh serta melindungi kepentingan awam di seluruh Asia Tenggara. Majlis penandatanganan tersebut telah diadakan pada 15 September 2025 di Bali, Indonesia, dan dihadiri oleh Peguam Negara serta Pendakwa Raya dari Negara-negara Anggota ASEAN, termasuk Peguam Negara dan Pendakwa Raya Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib dan Pegawai-pegawai Pendakwa Raya Kanan Pejabat Peguam Negara.

BDCB umum pengeluaran Siri Baharu Keluarga Mata Wang NBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 September. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mengumumkan rancangan mengenai pengeluaran Siri Baharu Keluarga Mata Wang Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi denominasi-denominasi BND1, BND5, BND10, BND100 dan BND500 yang menandakan pencapaian signifikan dalam evolusi perkembangan mata wang negara. Siri tersebut dijadualkan untuk diedarkan pada separuh tahun pertama 2026. Siri ini mengesahkan unit rasmi mata wang NBD mengikut Perintah Mata Wang, 2004 iaitu 'dolar'. Istilah 'Ringgit' telah digantikan dengan 'Dolar Brunei' pada semua denominasi.

Lawatan ke BFB harga jalinan erat dua hala

MUMONG, Sabtu, 27 September. - Hubungan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan United Kingdom (UK) yang sudah lama terjalin semakin kukuh dan erat dengan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi lawatan baginda ke British Forces Brunei (BFB), Mumong, hari ini. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

PEMIMPIN E3 TEGASKAN KOMITMEN KE ARAH KEAMANAN UKRAINE, TERUSKAN RUNDINGAN



ISTANBUL, 27 Dis. - Pemimpin United Kingdom (UK), Republik Perancis dan Republik Persekutuan Jerman yang dikenali secara kolektif sebagai E3, pada

Jumaat menegaskan semula komitmen mereka terhadap usaha mencapai keamanan di Ukraine serta kepentingan meneruskan rundingan yang bakal diadakan,

lapor Anadolu Ajansi.

Kerajaan UK dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa menerusi perbualan telefon antara Perdana Menteri UK Keir Starmer,

Presiden Republik Perancis Emmanuel Macron dan Canselor Republik Persekutuan Jerman Friedrich Merz, para pemimpin "menegaskan komitmen tidak berbelah bahagi mereka untuk mencapai keamanan yang adil dan berkeadilan bagi Ukraine serta kepentingan rundingan terus digerakkan ke arah matlamat itu dalam beberapa hari akan datang".

"Perdana Menteri menekankan bahawa ini merupakan detik yang amat kritikal bagi Ukraine dan keselamatan di seluruh rantau Euro-Atlantik dan para pemimpin menegaskan komitmen mereka untuk terus memberikan sokongan

yang diperlukan oleh Ukraine.

"Para pemimpin turut bersetuju untuk terus menyelaras usaha bersama rakan dan sekutu bagi mencapai keamanan berkeadilan," menurut kenyataan itu.

Terdahulu pada hari yang sama, Presiden Ukraine Volodymyr Zelenskyy mengumumkan perancangan untuk mengadakan pertemuan pada Ahad dengan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump di Florida bagi membincangkan draf dokumen yang bertujuan menamatkan perang Rusia-Ukraine, termasuk jaminan keselamatan serta satu perjanjian ekonomi. - ©BERNAMA

Seorang maut, 26 cedera dalam kemalangan melibatkan 50 kenderaan di Tokyo

TOKYO, 27 Dis. - Seorang maut manakala 26 yang lain cedera, termasuk lima parah dalam kemalangan membabitkan lebih 50 kenderaan di sebuah lebuh raya di Wilayah Gunma barat laut Tokyo pada Jumaat, menurut polis.

Kemalangan berlaku di lorong keluar Lebuhraya Kan-etsu Expressway di kawasan Minakami sekitar 7.30 malam, apabila

beberapa kenderaan dipercayai tergelincir dari jalan ketika salji turun, lapor Agensi Berita Kyodo.

Polis memaklumkan sekurang-kurangnya 10 kenderaan terbakar dalam kejadian itu, manakala usaha memadam kebakaran mengambil masa lebih tujuh jam.

Kemalangan bermula apabila sebuah lori melanggar sebuah lagi

lori yang berhenti di atas jalan sebelum itu, lalu mencetuskan kemalangan berantai sepanjang kira-kira 300 meter.

Seorang penumpang wanita berusia 77 tahun yang duduk di tempat duduk belakang sebuah kereta disahkan meninggal dunia, manakala 21 individu mengalami kecederaan ringan. - ©BERNAMA

Polis Jerman tembak mati lelaki selepas serangan di hospital

BERLIN, 27 Dis. - Polis Jerman menembak mati seorang lelaki berusia 33 tahun dalam satu kejadian di sebuah hospital universiti di bandar Giessen tengah Republik Persekutuan Jerman pada Jumaat, menurut pihak berkuasa, lapor agensi berita Jerman dpa.

Kakitangan hospital sebelum itu

menghubungi perkhidmatan kecemasan selepas melaporkan seorang pesakit mengancam mereka menggunakan gunting, menurut Pejabat Polis Jenayah Negeri Hesse dalam satu kenyataan.

Menurut penyiasat, lelaki berkenaan turut menyerang polis menggunakan gunting, menyebabkan anggota

keselamatan melepaskan tembakan pada lewat petang.

Lelaki itu meninggal dunia akibat kecederaan yang dialami.

Pejabat polis jenayah negeri mengambil alih siasatan atas faktor berkecuali.

Menurut pihak berkuasa, keadaan sebenar serta urutan kejadian masih dalam siasatan. - ©BERNAMA

Anggota pengaman PBB cedera akibat tembakan di selatan Lubnan

ISTANBUL, 27 Dis. - Seorang anggota pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) cedera akibat tembakan serta satu letupan bom dari kedudukan tentera Israel di selatan Lubnan, menurut Pasukan Interim PBB di Lubnan (UNIFIL) pada Jumaat.

Menurut Anadolu Ajansi, UNIFIL memaklumkan tembakan dilepaskan dari kedudukan tentera Israel di selatan Garisan Biru dan mengenai kawasan berhampiran rondaan UNIFIL yang sedang memeriksa sekatan jalan raya di Kampung Bastarra, sebelum satu lagi letupan bom tangan berlaku berhampiran lokasi berkenaan.

"Bunyi tembakan dan letupan menyebabkan seorang anggota pengaman mengalami kecederaan ringan berupa gegaran pada telinga," menurut

kenyataan UNIFIL.

Tiada kerosakan dilaporkan dalam kejadian itu.

Dalam insiden berasingan, UNIFIL memaklumkan satu lagi pasukan yang sedang menjalankan operasi rutin di Kampung Kfar Shouba turut melaporkan tembakan dari pihak Israel yang dilepaskan sangat hampir dengan kedudukan mereka.

Misi PBB berkata pihaknya telah memaklumkan terlebih dahulu kepada tentera Israel mengenai aktiviti rondaan itu, selaras dengan amalan biasa bagi rondaan di kawasan sensitif berhampiran Garisan Biru.

UNIFIL menyifatkan sebarang insiden yang berlaku ke atas atau berhampiran anggota pengaman sebagai "pelanggaran serius

Resolusi Majlis Keselamatan PBB 1701," sambil mengulangi gesaan kepada tentera Israel supaya menghentikan tindakan agresif serta serangan terhadap atau berhampiran anggota pengaman yang bertugas menjaga keamanan dan kestabilan di sepanjang Garisan Biru.

Gencatan senjata dikuat kuasa di Lubnan sejak November 2024, selepas lebih setahun serangan yang mengorbankan lebih 4,000 orang dan mencederakan 17,000 yang lain, dalam konteks perang Israel di Gaza.

Menurut Kementerian Kesihatan Lubnan, sekurang-kurangnya 335 orang terbunuh dan 973 lagi cedera dalam serangan Israel sejak gencatan senjata itu dilaksanakan. - ©BERNAMA

Aktiviti gunung berapi di Gunung Etna, Republik Itali

ROM, 27 Dis. - Gunung Etna di pulau Sicily, Republik Itali menunjukkan tanda-tanda baharu aktiviti gunung berapi pada Jumaat apabila memuntahkan bahan pijar serta sejumlah kecil abu dari kawah timur lautnya, menurut Institut Geofizik dan Vulkanologi Kebangsaan Itali (INGV), lapor agensi berita Jerman dpa.

Menurut kenyataan INGV di Facebook, abu letusan dibawa angin ke arah timur laut, dengan debu ringan dilaporkan di bandar pesisir pantai Taormina serta di kawasan Piano Provenzano.

Letupan berselang-seli turut dikesan di kawah Bocca Nuova, dengan bahan pijar tercampak sehingga beberapa puluh meter melepasi bibir kawah, menurut institut itu.

Agensi perlindungan awam wilayah menaikkan tahap amaran buat sementara waktu susulan kebarangkalian berlakunya letusan lava.

Gunung Etna, gunung berapi paling aktif di Eropah dengan ketinggian sekitar 3,400 meter, meletus beberapa kali setahun dan sentiasa berada di bawah pemantauan rapi. - ©BERNAMA

Seorang terbunuh, 4 cedera dalam kejadian tembakan di California

LOS ANGELES, 27 Dis. - Seorang remaja terbunuh manakala empat lagi cedera dalam satu kejadian tembakan pada Hari Krismas di utara Daerah Los Angeles, menurut media tempatan dan polis, lapor Xinhua.

Usaha memburu suspek sedang dijalankan selepas seorang remaja lelaki berusia 16 tahun maut di Lancaster, lapor FOX 11 pada Jumaat.

Jabatan Sheriff Daerah Los Angeles mengesahkan bahawa kejadian itu dilaporkan pada Khamis dan mangsa disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian.

Sementara itu, seorang remaja perempuan berusia 17 tahun, seorang remaja lelaki berusia 15 tahun serta dua lelaki dewasa dibawa ke hospital akibat luka tembakan, menurut jabatan berkenaan. - ©BERNAMA

Gempa bumi sederhana landa Selatan Sumatera, Republik Indonesia

KUALA LUMPUR, 27 Dis. - Gempa bumi sederhana berukuran 5.6 pada skala Richter melanda Selatan Sumatera, Republik Indonesia pada 8.22 pagi tadi.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam kenyataan hari ini memaklumkan gempa bumi itu berpusat pada koordinat 5.6 darjah selatan dan 102.2 darjah timur, dengan kedalaman 70 kilometer (km).

Gempa bumi itu berada pada jarak 199km selatan dari Bengkulu, Republik Indonesia.

METMalaysia bagaimanapun memaklumkan tiada ancaman tsunami kepada Malaysia susulan gempa bumi berkenaan. - ©BERNAMA

Persekutuan Rusia rancang tingkatan triad nuklear hingga 2036 - Kremlin

MOSCOW, 27 Dis. - Program persenjataan negara Persekutuan Rusia bagi tempoh 2027-2036 merangkumi rancangan untuk menaik taraf triad nuklearnya serta mewujudkan sistem pertahanan udara menyeluruh, menurut dokumen Kremlin yang disediakan bagi mesyuarat Presiden Persekutuan Rusia mengenai program persenjataan negara itu, lapor Agensi Berita Rusia (TASS).

"Perhatian khusus diberikan kepada pengukuhan keupayaan pasukan darat, mengekal dan memodenkan triad nuklear, mewujudkan sistem pertahanan

udara menyeluruh serta meningkatkan potensi eksport persenjataan dan peralatan Rusia," menurut bahan itu.

Program persenjataan negara adalah dokumen perancangan jangka panjang yang menetapkan pembangunan, pengeluaran dan penyelenggaraan tahap kesiapsiagaan tempur persenjataan, peralatan ketenteraan dan khas.

Program itu diluluskan oleh Presiden Persekutuan Rusia setiap lima tahun dan berkuat kuasa selama 10 tahun.

Ia mengambil kira semua potensi ancaman terhadap

keselamatan nasional Persekutuan Rusia, sama ada ancaman sedia ada mahupun pada masa hadapan.

Sehingga Disember 2025, parameter program persenjataan negara bagi tempoh 2027-2036 telah diperincikan dan sedia untuk diluluskan.

Matlamat program persenjataan negara itu termasuk melengkapkan semula angkatan tentera dengan mengambil kira ancaman utama, merangkumi keseluruhan spektrum persenjataan canggih serta berpandukan pengalaman operasi tempur sebenar. - ©BERNAMA

PELABURAN LUAR KE XINJIANG MENCECAH 1 TRILION YUAN



Gambar dron udara yang diambil pada 27 April 2025 menunjukkan pemandangan ladang kuasa angin Santanghu di Bandar Hami di Wilayah Autonomi Xinjiang Uygur, barat laut

berkualiti tinggi, menurut jabatan perdagangan serantau.

Jumlah keseluruhan dana yang masuk dari luar rantau mencecah kira-kira 1.07 trilion yuan (kira-kira USD152.08 bilion) tahun ini, peningkatan tahun ke tahun sebanyak 13.9 peratus.

Sebanyak 4,511 projek telah dilaksanakan tahun ini, merangkumi pelbagai industri yang lebih pelbagai. Sektor utama seperti tenaga hijau, pembuatan termaju dan bahan baharu, logistik

moden, buah-buahan dan sayur-sayuran berkualiti tinggi serta produk ternakan, serta pelancongan budaya, muncul sebagai bidang pelaburan yang sangat menarik. Industri yang berciri dan berfaedah sedemikian secara kolektifnya menarik kira-kira 900.7 bilion yuan dalam pelaburan luar, menandakan peningkatan ketara sebanyak 16.3 peratus.

Pelaburan swasta berfungsi sebagai sumber pembiayaan utama, menyumbang hampir 70 peratus daripada jumlah keseluruhan dengan kira-kira 730.7 bilion yuan. Ia terutamanya ditujukan kepada kuasa angin dan solar, hartanah dan logistik

komersial. Pelaburan daripada perusahaan milik negara berjumlah kira-kira 334.9 bilion yuan.

Bagi menyokong Xinjiang menuju ke arah pembangunan berkualiti tinggi, kerajaan pusat telah memperuntukkan lebih 200 bilion yuan dalam dana bantuan berpasangan untuk Xinjiang sejak 2012. Data rasmi menunjukkan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Xinjiang telah berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 7.04 peratus sejak 2012. Pada 2024, ia berkembang sebanyak 6.1 peratus, melepasi dua trilion yuan buat kali pertama. - ©XINHUA

URUMQI, 28 Dis. - Wilayah Autonomi Xinjiang Uygur di Republik Rakyat China menarik lebih satu trilion yuan dari luar rantau ini pada tahun 2025 buat kali pertama, menyuntik momentum yang kukuh ke dalam pembangunan ekonominya yang

Polis Republik Filipina perketat peraturan penggunaan bukti media sosial

MANILA, 28 Dis. - Polis Kebangsaan Filipina (PNP) akan melaksanakan protokol baharu berkaitan pengendalian bukti media sosial dalam kes jenayah susulan pengeluaran garis panduan oleh Mahkamah Agung berhubung pembuktian pemilikan atau kawalan akaun dalam talian, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Pemangku Ketua PNP Leftenan Jeneral Jose Melencio C. Nartatez Jr. berkata dalam satu kenyataan media pada Ahad bahawa garis panduan itu akan membantu penyiasat mengesahkan bukti digital serta membina kes yang lebih kukuh.

"Bagi siasatan yang sedang berjalan, kami akan meneliti bukti digital dengan lebih teliti, manakala

kes-kes akan datang akan dikendalikan secara lebih sistematik dan telus khususnya melibatkan hantaran media sosial," katanya.

Terdahulu, Mahkamah Agung menggariskan tujuh panduan, termasuk pengakuan penulisan, akses akaun, corak bahasa, forensik peranti serta konsistensi hantaran, selepas mengekalkan sabitan terhadap seorang lelaki yang didapati bersalah mengganggu bekas teman wanitanya berulang kali melalui Facebook.

Nartatez berkata keputusan itu mengukuhkan prinsip proses sewajarnya dalam era digital.

"Sekarang, seseorang tidak lagi boleh disabitkan semata-mata berdasarkan tangkap layar atau hantaran yang mungkin palsu atau digodam.

"Ia memastikan penguat kuasa undang-undang dan mahkamah mematuhi prosedur yang jelas, sekali gus meningkatkan kepercayaan awam terhadap sistem keadilan," katanya.

Susulan garis panduan yang ditetapkan mahkamah tertinggi itu, Ketua PNP mengarahkan semua unit polis mengguna pakai panduan berkenaan sebagai prosedur standard, manakala unit siber dilengkapi dengan peralatan bagi mengesan serta memelihara bukti dalam talian.

PNP juga sedang bekerjasama dengan platform media sosial utama bagi mempercepat proses pengesanan akaun.

Nartatez turut menggesa orang ramai melaporkan jenayah dalam talian mengikut saluran yang betul. - ©BERNAMA

Menara pencawang telekomunikasi di Sungai Perak terbakar

IPOH, 28 Dis. - Sebuah menara telekomunikasi terbakar dalam kejadian di kawasan pencawang Telekom Malaysia Sungai Perak di Kampung Kelebor, Kuala Kangsar, semalam.

Pemangku Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak Shazlean Mohd. Hanafiah berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada 6.36 petang, sebelum sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Kangsar digerakkan

ke lokasi kejadian.

"Sebuah menara telekomunikasi dilaporkan telah terbakar dan kebakaran dapat dilihat dari Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS). Anggota yang bergerak ke lokasi mendapati alamat yang diberikan tidak tepat dan terperangkap dalam kesesakan lebuh raya.

"Selain itu, anggota terpaksa mengambil masa kira-kira sejam untuk ke lokasi kejadian kerana terletak dalam hutan dan ladang sawit. Bomba terpaksa menaiki Hilux dan apabila sampai

mendapati api telah padam sepenuhnya," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata kebakaran itu dipadamkan dengan bantuan tuan tanah yang menggunakan alat pemadam api dan air tadahan hingga kebakaran dipadamkan sepenuhnya.

"Kebakaran yang melibatkan sebahagian daripada menara itu menyebabkan beberapa panel komunikasi mengalami gangguan seperti Maxis dan siasatan lanjut diteruskan pagi ini," katanya. - ©BERNAMA

Serigala terlepas dari kandang di zoo Tokyo, pengunjung lari menyelamatkan diri

TOKYO, 28 Dis. - Seekor serigala terlepas di dalam kawasan sebuah zoo di barat Tokyo pada Ahad, menyebabkan pengunjung bertempiran menyelamatkan diri ke dalam bangunan serta kawasan selamat lain, menurut pengendali zoo itu, lapor Agensi Berita Kyodo.

Menurut Taman Zoologi Tama di Hino, serigala berkenaan dilihat berada di laluan awam selepas zoo itu dibuka kepada pengunjung pada 9.30 pagi waktu tempatan.

Pihak pengurusan kemudian mengesahkan bahawa serigala itu masih berada di dalam kawasan zoo berkenaan.

Zoo terbabit kini sedang berusaha menangkap haiwan itu, dan setakat ini tiada kecederaan dilaporkan. - ©BERNAMA

Guatemala isytihar berkabung selepas kemalangan bas ragut sekurang-kurangnya 15 nyawa

ISTANBUL, 28 Dis. - Guatemala pada Sabtu mengisytiharkan tempoh berkabung negara selama tiga hari selepas satu kemalangan bas mengorbankan sekurang-kurangnya 15 orang dan mencederakan lebih 20 yang lain, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Kami sedang menyelaras semua bantuan yang diperlukan untuk mangsa terlibat, di samping memberikan sokongan kepada mereka yang kehilangan ahli keluarga dan orang tersayang.

"Sebagai respons terhadap kejadian ini, saya memutuskan untuk mengisytiharkan tiga hari berkabung negara bagi mangsa kemalangan bas berkenaan," kata Presiden Bernardo Arevalo dalam hantaran di platform X.

Menurut keputusan itu, bendera akan dikibarkan separuh tiang di semua institusi kerajaan dan dataran rasmi, manakala semua aktiviti rasmi atau berbentuk perayaan akan ditangguhkan, menurut akhbar tempatan Prensa Libre.

Media tempatan melaporkan pada Sabtu bahawa sebuah bas terjunam ke dalam gaung sedalam kira-kira 75 meter di kilometer ke-174 Lebuhraya Pan-Amerika yang merentasi Amerika Tengah.

Menteri Pertahanan Guatemala, Brig. Jen. Henry David Saenz Ramos turut menyatakan rasa dukacita terhadap kejadian itu serta solidariti menerusi Angkatan Tentera Guatemala. - ©BERNAMA

Ribut landa wilayah Timur Laut AS, jejas ribuan penerbangan

NEW YORK, 28 Dis. - Ribut melanda wilayah Timur Laut dan Great Lakes Amerika Syarikat (AS) dari petang Jumaat hingga Sabtu, membawa salji tebal, melumpuhkan perjalanan musim cuti dan menyebabkan puluhan ribu penduduk terputus bekalan elektrik, lapor Xinhua.

Setakat 2 petang waktu Timur

Sabtu, lebih 5,580 penerbangan mengalami kelewatan manakala sekurang-kurangnya 860 penerbangan dibatalkan, menurut perkhidmatan penjejakan penerbangan Flight Aware.

Kelewatan dan pembatalan penerbangan di AS terus meningkat akibat cuaca buruk, dengan tiga lapangan terbang utama di

kawasan metropolitan New York antara yang paling terjejas.

Pentadbiran Penerbangan Persekutuan menganggarkan penerbangan ke Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy di New York ditangguhkan purata kira-kira dua jam pada pagi Sabtu.

Amaran ribut musim sejuk meliputi kawasan dari New York

hingga Philadelphia, dengan pengembara dan penduduk dinasihatkan supaya berwaspada.

Ribut itu berlaku menjelang hari paling sibuk bagi perjalanan musim cuti, dengan 2.86 juta pengembara dijangka menggunakan perkhidmatan penerbangan pada Ahad, menurut data Pentadbiran Keselamatan Pengangkutan.

Gabenor New York dan New Jersey mengisytiharkan darurat, sambil menggesa pengembara memantau keadaan cuaca dan menutupan jalan raya serta mematuhi protokol keselamatan.

Di Michigan, lebih 30,000 rumah dan premis perniagaan terputus bekalan elektrik pada pagi Sabtu. - ©BERNAMA



MENGUKUHKAN SEMANGAT KESUKANAN DALAM KALANGAN PPDB

PENGERUSI Cawangan C1, SUPT Kasnol bin Haji Muhammad Kincho hadir selaku tetamu kehormat majlis (kanan). Manakala gambar kanan sekali, antara aksi para pemain pada kejohanan tersebut.

GADONG, Sabtu, 27 Disember. – Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Cawangan C1 telah mengadakan Kejohanan Bola Tampar Cawangan C1 bagi tahun 2025 bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah, Kompleks Ibu Pejabat PPDB, baru-baru ini.

Kejohanan ini merupakan anjuran Ahli Jawatankuasa Bahagian Sukan, Badan Kebajikan dan Sukan Cawangan C1 Sesi 2025-2026.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pembukaan kejohanan ialah Pengerusi Cawangan C1, SUPT Kasnol bin Haji Muhammad Kincho.

Turut serta, DSP Shamsulariffin bin Haji



Abdul Wahab selaku Timbalan Pengerusi 1 Badan Kebajikan dan Sukan Cawangan C1.

Acara pertandingan berlangsung bermula 23 hingga 24 Disember 2025 dan disertai oleh tiga Pasukan, iaitu Pasukan Simpanan Polis 'C' Kompeni, Polis Marin serta Daerah Polis Temburong.

Pasukan Simpanan Polis 'C' Kompeni 'A'

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

dinobatkan gelaran juara, manakala naib juara jatuh kepada Daerah Polis Temburong 'B' dan tempat ketiga dimenangi secara bersama oleh Pasukan Simpanan Polis 'C' Kompeni 'B' dan Polis Marin 'A'.

Acara juga menyaksikan penyampaian hadiah kepada para pemenang oleh tetamu

kehormat.

Kejohanan ini bertujuan untuk mengukuhkan semangat kesukanan dalam kalangan warga PPDB di samping memupuk gaya hidup persaingan sihat serta kerjasama berpasukan dan ukhuwah sesama anggota.

Tetapkan azam lebih proaktif dalam menjaga kesihatan



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Sabtu, 27 Disember. – Setiap kali menjelang tahun baharu sudah tentu kita akan mengambil peluang untuk menetapkan keazaman dalam memperbaiki diri. Antara keazaman yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat pada masa kini ialah usaha menjaga kesihatan secara proaktif. Fenomena ini dapat dilihat melalui peningkatan penyertaan dalam pelbagai program kecergasan yang

dianjurkan di peringkat komuniti dan juga pusat-pusat kesihatan.

Sikap ini bukan sahaja mencerminkan kesedaran individu terhadap kepentingan kesihatan fizikal dan mental, malah turut menunjukkan perubahan gaya hidup masyarakat ke arah yang lebih sihat.

Penyertaan dalam program seperti senaman berkumpulan, yoga, larian amal dan aktiviti kecergasan lain bukan sahaja meningkatkan tahap kecergasan tubuh badan, malah merangsang interaksi sosial dan membina semangat kerjasama.

Keazaman ini, jika diteruskan secara

konsisten, diyakini mampu mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Dengan menyertai program kecergasan ini, ia dapat membantu beberapa individu untuk mengekalkan tahap mental dan kesihatan fizikal yang seimbang. Selain itu, aktiviti fizikal juga berperanan penting dalam mengurangkan tekanan iaitu stres dan dapat membantu meningkatkan keyakinan diri, sekali gus menjadikan individu untuk bersikap lebih positif ke arah kehidupan dan tahap kesihatan yang lebih

KEAZAMAN mencerminkan kesedaran individu terhadap kepentingan kesihatan fizikal dan mental, juga turut menunjukkan perubahan gaya hidup masyarakat ke arah yang lebih sihat.

sihat.

Dalam pada itu, menyertai program kecergasan secara berkumpulan juga dapat menjadi dorongan. Ini kerana ia dapat memberi sokongan dan para jurulatih mampu meningkatkan motivasi serta komitmen kepada individu yang menyertai program kecergasan untuk terus konsisten sepanjang menjalani program kecergasan yang ditawarkan.

Keazaman untuk mengutamakan kesihatan ini sewajarnya dijadikan budaya dalam masyarakat, bukan sekadar trend sementara. Dengan komitmen yang konsisten, langkah kecil seperti menyertai program kecergasan boleh memberi impak besar terhadap kesejahteraan individu dan masyarakat secara keseluruhan.

Justeru, sudah tiba masanya setiap daripada kita mengambil langkah proaktif untuk membina kehidupan yang lebih sihat, cergas, dan produktif.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSENAM SETIAP HARI, SALAH SATU CARA MENJAGA KESIHATAN MENTAL BISKITA